

MEASAT

GLOBAL BERHAD
(2866-T)

MEASAT-3a




MEASAT-3



AFRICASAT-1



AFRICASAT-2



Kandungan

MEASAT Global Berhad
laporan tahunan 2009

2	Maklumat Kewangan Penting Lima Tahun Kumpulan	18	Pengurusan Kanan
4	Penyata Pengerusi	20	Penyata Tadbir Urus Korporat
10	Visi Kami	26	Laporan Jawatankuasa Audit
11	Profil Syarikat	30	Penyata Kawalan Dalam
14	Maklumat Korporat	33	Maklumat Pendedahan Tambahan
15	Lembaga Pengarah	35	Penyata Tanggungjawab Pengarah dalam Menyediakan Penyata Kewangan
		37	Penyata Kewangan
		84	Analisis Pegangan Saham
		87	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Tiga
			Borang Proksi




Maklumat Kewangan Penting Lima Tahun Kumpulan


Keputusan Sebenar

RM (juta)


EBITDA



KEUNTUNGAN OPERASI




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI




Keputusan Dilaraskan dengan FOREX ¹

RM (juta)


EBITDA



KEUNTUNGAN OPERASI



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI



Maklumat Kewangan Penting

Lima Tahun Kumpulan (Sambungan)

Keputusan Sebenar

RM (juta)	2005 ²	2006 ²	2007 ²	2008	2009
Hasil	132.29	137.43	187.26	195.95	241.67
EBITDA ³	87.47	81.74	132.92	139.77	158.59
Margin EBITDA (%)	66.12%	59.48%	70.99%	71.33%	65.62%
Keuntungan Operasi	32.25	28.69	23.37	55.86	80.45
Caj Kewangan	(17.92)	(17.33)	(59.42)	(42.01)	(36.93)
Keuntungan/(kerugian) pertukaran matawang asing	2.06	35.73	54.01	(51.30)	9.64
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	16.39	47.09	17.96	(37.45)	53.16
Cukai	(0.85)	(0.27)	189.71	(0.69)	124.39
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun	15.54	46.82	207.67 ⁴	(38.14) ⁵	177.55

Keputusan Dilaraskan dengan FOREX¹

RM (juta)	2005 ²	2006 ²	2007 ²	2008	2009
EBITDA ³	87.60	86.37	135.93	131.98	161.11
Keuntungan operasi	32.37	33.32	26.37	48.08	82.96
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	14.45	15.99	(33.05)	6.07	46.03
Keuntungan bersih bagi tahun	13.60	15.73	156.66	5.37	170.42

¹ Dinormalkan (tanpa kesan pertukaran ("FOREX") ke atas deposit tunai/pinjaman dalam denominasi USD).

² Keputusan kewangan telah dinyatakan semula untuk meliputi aplikasi retrospektif FRS112 berkaitan Elaun Cukai Pelaburan.

³ Hasil tolak kos perkhidmatan, penjualan dan perbelanjaan pentadbiran (tidak termasuk susut nilai).

⁴ Termasuk pengiktirafan aset cukai tertunda tambahan sebanyak RM166 juta daripada terimapakai FRS112 berkaitan Elaun Cukai Pelaburan.

⁵ Termasuk kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasikan sebanyak RM45.4 juta daripada pinjaman dalam denominasi USD.

Penyata Pengerusi

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan MEASAT Global Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.



DATUK UMAR BIN HAJI ABU
Pengerusi

PENGENALAN


Kejayaan pelancaran satelit MEASAT-3a ("M3a") menjadikan tahun 2009 sebagai satu tahun yang penting bagi Kumpulan. M3a yang meningkatkan kapasiti Kumpulan pada lokasi orbit 91.5°E sebanyak 50%, menyediakan sebuah platform untuk mencapai pertumbuhan berterusan bagi asas pelanggan utama Direct-to-Home ("DTH") dan Pengedaran Penyiaran Kumpulan.

MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd. ("MEASAT"), entiti operasi utama Kumpulan terus membina kehadiran pasarnya, meningkatkan penggunaan seluruh angkatan satelitnya daripada 73% pada akhir tahun 2008 kepada 83% pada akhir tahun 2009. Menjelang akhir tahun 2009, satelit M3a yang baru dilancarkan sudah pun beroperasi pada kadar penggunaan 66%.

Pada tahun ini, nisbah hasil Kumpulan daripada segmen pelanggan antarabangsa utama adalah sebanyak 40%, manakala pelanggan penyiaran utama pula berjumlah 63%.


HASIL MENGIKUT RANTAU

RM juta, 2009



HASIL MENGIKUT SEKTOR

RM juta, 2009



MAKLUMAT KEWANGAN PENTING

Keuntungan daripada Operasi Kumpulan meningkat daripada RM55.9 juta pada tahun 2008 kepada RM80.5 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh kesan bersih:

- peningkatan hasil sebanyak 23% kepada RM241.7 juta daripada sumbangan berterusan satelit MEASAT-3 ("M3") dan AFRICASAT-1 ("A1") dan sumbangan permulaan daripada M3a;
- pengurangan bersih kos susutnilai satelit sebanyak RM7.5 juta berikutan (i) tiada susutnilai selanjutnya untuk MEASAT-2 ("M2") yang sudah disusutnilai sepenuhnya pada tahun 2008; diimbangi dengan (ii) susutnilai sebahagian tahun untuk M3a pada tahun 2009;
- pertambahan kos sebanyak RM7.7 juta daripada operasi permulaan M3a dan kos ditanggung sekali sahaja sebanyak RM4.6 juta berkaitan pelancaran satelit tersebut; dan
- pertambahan yuran professional sebanyak RM4.5 juta yang ditanggung berikutan litigasi dan aktiviti pembangunan perniagaan yang dijalankan.



Pusat Operasi Satelit

Keuntungan Selepas Cukai sepanjang tahun telah pulih daripada kerugian sebanyak RM38.1 juta pada tahun 2008 kepada keuntungan sebanyak RM177.5 juta pada tahun 2009. Penambahbaikan ini adalah disebabkan oleh pertambahan Keuntungan daripada Operasi dan pengiktirafan:

- aset cukai tertunda sebanyak RM124.4 juta berkaitan dengan satelit M3a; dan,
- keuntungan pertukaran matawang asing sebanyak RM9.6 juta daripada hutang Kumpulan dalam denominasi Dolar Amerika Syarikat berbanding kerugian pertukaran matawang asing sebanyak RM51.3 juta pada tahun 2008.

Memandangkan obligasi hutang dan hasil kontrak Kumpulan sebahagian besarnya adalah dalam denominasi Dolar Amerika Syarikat, supaya sepanjang tempoh hayat satelit yang dikendalikan oleh Kumpulan dengan lindung nilai semulajadi yang disandarkan dengan pergerakan kadar pertukaran matawang Dolar Amerika Syarikat:Ringgit, sepanjang satu-satu tempoh pergerakan kadar pertukaran matawang itu akan menyebabkan keuntungan atau kerugian daripada aset dan liabiliti dalam denominasi Dolar Amerika Syarikat Kumpulan. Selepas pelarasan impak ini sepanjang tempoh tersebut, Keuntungan Selepas Cukai Kumpulan meningkat daripada RM5.4 juta pada tahun 2008 kepada RM170.4 juta pada tahun 2009.

PERKEMBANGAN OPERASI

Pada tahun 2009, Kumpulan memfokus kepada inisiatif yang bertujuan untuk membina MEASAT menjadi sebuah pengendali satelit pasaran baru yang terkemuka:

- **Meluaskan Asas Pelanggan:** Kumpulan mensasarkan usaha jualan dan pemasarannya untuk terus membangunkan kedudukan Kumpulan sebagai pengendali satelit pilihan industri ICT Malaysia; membangunkan kejuranan video Asia dan DTH yang teguh; dan membangunkan kedudukan permulaan Kumpulan di pasaran Afrika.

Pada tahun ini, Kumpulan:

- meningkatkan sokongan platform TV Astro di Malaysia dengan sewaan enam transponder tambahan di M3a melalui perjanjian selama 15 tahun yang ditandatangani;
 - melanjutkan kerjasama dengan Antrix, bahagian komersil Indian Space Research Organization, dengan pajakan sembilan transponder ke dalam pasaran India; dan
 - terus meluaskan platform pengedaran video M3 / M3a dengan kontrak untuk tiga saluran Definisi Standard (“SD”) dan lapan saluran Definisi Tinggi (“HD”) baru, menjadikan bilangan saluran yang diedar di peringkat serantau dari slot orbit 91.5°E lebih daripada 50.
- **Pasaran Baru:** Pada bulan Januari 2008, satelit MEASAT-1 (“M1”) yang telah dikeluarkan penugasan daripada operasi komersil pada lokasi orbit 91.5°E telah dimula tugas semula di lokasi orbit 46.0°E. Dengan kedudukan di lokasi orbit 46.0°E, satelit ini telah diberi nama baru A1. A1 yang beroperasi di orbit condong sebagai aset yang sudah disusutnilai sepenuhnya berjaya meneruskan operasinya menyediakan kapasiti Jalur C dan Ku ke pasaran Afrika.

Pada tahun 2009, M2 telah dikeluarkan penugasan daripada perkhidmatan operasi di 148.0°E. Satelit yang kini telah diberi nama baru sebagai AFRICASAT-2 (“A2”) dimasukkan ke dalam perkhidmatan secara komersil di 5.7°E pada bulan Januari 2010 untuk menambah kapasiti yang tersedia di pasaran Afrika dan melindungi hak MEASAT kepada slot orbit 5.7°E.

- **Perluasan Angkatan:** Pada tahun ini, kemajuan besar dicapai dalam perancangan untuk menggantikan satelit A1 dan A2 dan untuk membangunkan sebuah satelit baru bagi lokasi orbit Kumpulan di 148.0°E. Kumpulan menjangka akan berupaya mengumumkan perkembangan semua projek ini pada tahun 2010.



YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Malaysia bersama-sama kumpulan MEASAT di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.



Pusat Teleport dan Penyiaran MEASAT, Cyberjaya

- **Isu Peraturan dan Perundangan:** Sepertimana yang dinyatakan dalam penyata saya pada tahun lepas, pada tahun 2007 Kumpulan telah merayu terhadap notifikasi yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“SKMM”) untuk menyumbang sebanyak RM31.5 juta kepada Dana Universal Service Provision (“USP”) bagi tahun 2003 hingga 2006.

Pada bulan April 2009, Kumpulan telah meneruskan kes tersebut dengan mengemukakan Notis Rayuan kepada SKMM sementara menunggu penubuhan sebuah Tribunal Rayuan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kumpulan masih menunggu penubuhan Tribunal tersebut untuk mendengar kes ini. Berasaskan kepada nasihat diterima daripada perunding guaman luar Kumpulan, Lembaga Pengarah yakin akan mendapat keputusan yang positif. Sehubungan itu, tiada peruntukan telah disediakan.

Pada bulan September 2008, PT Ayunda Prima Mitra (“PT APM”) telah memulakan saman awam di Indonesia ke atas MEASAT dan dua belas pihak lain (“Saman”). Sementara itu, pada 17 September 2009, Mahkamah Daerah Jakarta Selatan (“Mahkamah”) menolak Saman tersebut berasaskan fakta bahawa PT APM tidak mempunyai asas undang-undang untuk mengambil tindakan ke atas MEASAT, dan dengan demikian PT APM telah mengemukakan satu notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah tersebut. Notis ini dikemukakan kepada MEASAT pada 21 April 2010.

- **Penyusunan Semula Hutang:** Pada tahun 2008 dan 2009, Kumpulan telah gagal memenuhi beberapa persetujuan yang disyaratkan di bawah terma kemudahan hutangnya. Ketidakupayaan untuk memenuhi persetujuan tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh (i) kelewatan pelancaran satelit M3; dan (ii) impak kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasikan kepada pendapatan Kumpulan.

Untuk menangani isu ini, pada tahun 2009, Kumpulan telah menemui para pemberi pinjaman untuk menyusun semula syarat pinjaman berkenaan. Penyusunan semula itu telah berjaya diselesaikan pada 21 Disember 2009.

DIVIDEN

Berikutan keperluan modal kerja semasa dan had yang dikenakan ke atas Kumpulan oleh pelbagai perjanjian pinjaman, Lembaga Pengarah tidak dapat mencadangkan pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2009. Adalah menjadi hasrat Lembaga Pengarah untuk meneruskan pembayaran dividen apabila keadaan mengizinkan.



PROSPEK MASA DEPAN

Para Pengarah menjangka keputusan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 akan mendapat manfaat daripada operasi berterusan M3 dan A1; pendapatan satu tahun penuh pertama daripada M3a; dan sumbangan daripada A2 di lokasi orbit barunya.

Walau bagaimanapun, keputusan kewangan Kumpulan akan terus menerima impak daripada kesan perubahan kadar pertukaran matawang dalam RM:Dolar Amerika Syarikat ke atas penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dalam denominasi Dolar Amerika Syarikat.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (“CSR”)

Program CSR Kumpulan ditumpukan kepada pembangunan pemimpin masa depan dalam industri satelit Malaysia. Sebagai sokongan terhadap program ini, Kumpulan terus melaksanakan pelancaran pelbagai inisiatif pembangunan kakitangan seluruh syarikat untuk memajukan kepimpinan MEASAT untuk generasi akan datang.

Pada tahun ini, penerima biasiswa kedua Kumpulan telah kembali ke tanahair selepas berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Kualiti dan Operasi di Chalmers University of Technology, Sweden. Pada awal tahun 2010, Kumpulan telah melancarkan Biasiswa Universiti Angkasa MEASAT tahunan ketiga.

Kumpulan telah meneruskan program sumbangan pendidikannya dengan menjadi tuan rumah kepada para pelajar yang datang melawat dan berinteraksi dengan beberapa universiti bagi menyediakan pensyarah jemputan bagi mendidik para pelajar mengenai manfaat komunikasi satelit. Pada tahun 2009, program ini juga termasuk menjadi tuan rumah kepada 14 orang pelajar dari Malaysia dan empat pelajar dari beberapa negara lain dalam satu lawatan sekali seumur hidup ke Moscow dan Baikonur untuk menyaksikan pelancaran M3a.

LEMBAGA PENGARAH

Saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Datuk Ramli bin Ibrahim, Encik Zam Ariffin bin Ismail, Encik Ralph Marshall dan Encik Chan Chee Beng, rakan-rakan Pengarah saya dan kepada Tun Haji Mohammed Hanif bin Omar, Encik Khoo Teng Bin (para Pengarah MEASAT) dan Mr. Simon Cathcart (Pengaroh Gantian kepada Encik Khoo Teng Bin) atas sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada Kumpulan sepanjang tempoh 12 bulan lepas.

PENGHARGAAN

Saya, bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), SKMM, Bursa Malaysia Securities Berhad dan beberapa pihak penguatkuasa peraturan lain atas sokongan dan bimbingan yang mereka berikan sepanjang tahun ini.

Ucapan terima kasih setulus ikhlas ini juga ditujukan kepada rakan-rakan kongsi, pelanggan dan para pemegang saham atas sokongan sangat bernilai yang mereka berikan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kami atas komitmen berterusan yang diberikan kepada Kumpulan. Usaha mereka telah banyak menyumbang kepada kejayaan dan pertumbuhan Kumpulan secara berterusan.




Dari kiri: YBhg Dato' Mohamed Sharil (COO, SKMM), Mr. Chris Richmond (Naib Presiden Kanan, Komunikasi Global, Orbital), Dr. Ali Ebadi (Naib Presiden Kanan, Pembangunan Sistem Angkasa Lepas, MEASAT) dan YBhg Datuk Umar (Pengerusi, MGB) di Pelancaran Komersil M3a

Visi Kami

Untuk menjadi Pengendali Satelit Pasaran Sedang Berkembang paling terkemuka yang:

- Menyediakan penyelesaian satelit inovatif dan “terbaik dalam kelas”
- Menjalin hubungan dalam rangkaian perkongsian yang berjaya
- Mencipta persekitaran yang memberi inspirasi kepada kakitangan untuk mencapai kecemerlangan
- Melangkaui tahap pertumbuhan dan keuntungan purata industri



Profil Syarikat



Pusat Teleport dan Penyiaran MEASAT, Cyberjaya

Sejarah MEASAT

Pada tahun 1992, sebagai tindak balas terhadap matlamat Wawasan 2020 yang dirancang oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membangunkan infrastruktur komunikasi Malaysia supaya mampu memenuhi keperluan kehidupan di alaf baru, Binariang Sdn. Bhd. ("Binariang", yang kini dikenali sebagai Maxis Communications Berhad) telah mengumpulkan sekumpulan pakar yang berpengalaman dan berkecayaan tinggi untuk membangun dan melancarkan sistem satelit komunikasi pertama Malaysia. Pada tahun 1993, Binariang Satellite Systems Sdn. Bhd. ("BSS"), yang ketika itu merupakan syarikat subsidiari Binariang, telah diberi lesen untuk membangunkan sistem yang dikenali sebagai sistem Malaysia East Asia Satellite (MEASAT).

Kemuncak usaha ini adalah pelancaran satelit komunikasi MEASAT-1 ("M1") dan MEASAT-2 ("M2") dari Stesen Angkasa Eropah yang terletak di Kourou, French Guiana. Dua satelit komunikasi berkuasa tinggi Boeing 376HP membekalkan liputan C-Band serantau dan merintis penggunaan Ku-Band di rantau Asia Tenggara yang tinggi kadar taburan hujannya. Beroperasi dari fasiliti kawalan satelit dibina khusus yang terletak 915m di atas paras laut di Gunung Raya, Langkawi, satelit M1 dan M2 telah mula membekalkan perkhidmatan satelit di seluruh rantau Asia Tenggara.

Pelancaran M1 dan M2 membolehkan kepesatan peningkatan pembangunan infrastruktur di Malaysia, baik dalam industri telekomunikasi mahupun penyiaran, termasuk pelancaran Perkhidmatan TV Berbilang Saluran Direct-to-Home (DTH) digital yang pertama di Malaysia di bawah jenama ASTRO.

Berikutan langkah pengambilalihan berbalik yang dilaksanakan, BSS ditukar menjadi sebuah syarikat subsidiari milik penuh MEASAT Global Berhad (dahulu dikenali sebagai Malaysian Tobacco Company Berhad) pada tahun 2002. Pada tahun 2004, BSS telah menukar namanya kepada MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd. ("MEASAT").

Pada tahun 2006, MEASAT telah melancarkan satelit ketiganya iaitu MEASAT-3 ("M3"), untuk menduduki slot orbit utama Kumpulan di 91.5°E. Satelit M3 menyediakan kapasiti kepada pelanggan-pelanggan utama Kumpulan.

Dalam usaha untuk meluaskan liputan perniagaan pada tahun 2007, M1 telah dipindahkan ke lokasi orbit baru di 46°E, di ruang angkasa wilayah Afrika. Satelit M1 kemudian ditukar nama kepada AFRICASAT-1 ("A1"). Pada tahun 2009, satelit M2 juga telah dipindahkan ke 5.7°E untuk menyokong wilayah Afrika dan ditukar nama kepada AFRICASAT-2 ("A2").

Kini, keempat-empat satelit MEASAT tersebut mampu menyediakan kapasiti kepada lebih 145 negara di Asia Pasifik, Timur Tengah, Afrika, Eropah dan Australia, mewakili 80% daripada populasi dunia. Dengan penambahan satelit MEASAT-3a ("M3a") yang dilancarkan pada tahun 2009 di lokasi yang sama dengan satelit M3 iaitu slot orbit utama Kumpulan di 91.5°E, MEASAT kini memiliki sebanyak 100 transponder di antara empat satelit tersebut.

Angkatan Satelit

MEASAT-3a

Kedudukan orbit : 91.5°E (Tahun pelancaran: 2009)
Muatan : C-Band, Ku-Band



MEASAT-3

Kedudukan orbit : 91.5°E (Tahun pelancaran: 2006)
Muatan : C-Band, Ku-Band



AFRICASAT-1¹

Kedudukan orbit : 46.0°E (Tahun pelancaran: 1996)
Muatan : C-Band, Ku-Band



1 Dahulu dikenali sebagai MEASAT-1

AFRICASAT-2²

Kedudukan orbit : 5.7°E (Tahun pelancaran: 1996)
Muatan : C-Band, Ku-Band



2 Dahulu dikenali sebagai MEASAT-2

Perkhidmatan Satelit dan Aplikasi

Angkatan satelit MEASAT menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan kepada syarikat-syarikat penyedia siaran TV berbilang saluran, penyiaran dan telekomunikasi di rantau ini:

PERKHIDMATAN PENYIARAN

Direct-to-Home (“DTH”)

Angkatan satelit MEASAT membolehkan para penonton menerima pelbagai pilihan program TV tempatan dan antarabangsa menerusi piring satelit kecil yang dipasang di bumbung. Melalui penggunaan muatan Ku-Band berkuasa tinggi, teknologi ini turut menyediakan sokongan untuk pelbagai aplikasi lain seperti video atas permintaan, TV interaktif dan TV definisi tinggi.

Satelit Pengumpul Berita (“SNG”)

Pancaran C-Band global angkatan satelit MEASAT membolehkan para penyiar dihubungkan dengan krew TV yang mengumpul berita dari jarak jauh secara langsung terus ke studio TV masing-masing tanpa memerlukan rangkaian wilayah. Angkatan satelit MEASAT mampu menyampaikan berita terkini dari lebih 145 buah negara kepada penonton tempatan dan serantau dalam tempoh beberapa minit sahaja.

Pengedaran Penyiaran

Dengan pancaran sistem global dan serantau MEASAT, penyiar boleh mengedar dan mensendiket saluran TV kepada pengendali TV berbayar di 145 buah negara untuk disiarkan kepada penonton masing-masing.

Video Payout/Uplink

MEASAT menyediakan penyelesaian payout lengkap, termasuk menyiarkan iklan, menyedia sarikata, mengalih suara, menginkripsi, menyedia uplink dan edaran satelit. Dari pita atau kandungan yang dihantar secara elektronik, dan atas sokongan rakan-rakan kongsi di Kuala Lumpur, Hong Kong dan Singapura, saluran TV boleh berpuncu dan diedar melalui angkatan MEASAT kepada para pengendali perkhidmatan TV Berbayar di seluruh rantau Asia Pasifik.

Penyelesaian Definisi Tinggi (“HD”)

Melalui hubungan kerjasama yang dijalin bersama sekumpulan penyedia uplink terkemuka, MEASAT menyediakan payout video MPEG-4 HD dan penyelesaian uplink DVB-S2 bagi membolehkan para penyiar memulakan punca siaran dan mengedar saluran HD terkini di seluruh rantau.

PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

Perkhidmatan Terminal Aperture Amat Kecil (“VSAT”)

MEASAT membolehkan pelanggan mewujudkan hubungan berbilang lokasi dengan kadar kelajuan tinggi, boleh dipercayai serta menikmati kemudahan rangkaian komunikasi satelit VSAT. Semua rangkaian ini membolehkan syarikat dan kerajaan mengurangkan kos dan meningkatkan tahap kecekapan masing-masing.

Cellular Trunking

MEASAT menawarkan perkhidmatan GSM trunking kepada pelanggannya. Melalui Rangkaian GSM yang diperluaskan ini, para pelanggan dan kerajaan akan dapat menyediakan pelbagai penyelesaian telekomunikasi kepada pengguna akhir. Penyelesaian ini meliputi perkhidmatan backhaul dan sambungan yang membantu memenuhi keperluan kerajaan dari sudut Universal Service Provision untuk meliputi kawasan-kawasan terpencil.

Lokasi bersama

MEASAT menyediakan fasiliti yang selamat untuk menempatkan dan mengendalikan hab VSAT atau pusat data pelanggan. MEASAT juga menawarkan sebuah ruang lokasi bersama seluas 1,100 meter persegi yang disokong sepenuhnya oleh bekalan kuasa dan AC yang berlebihan.

IP melalui Transit Satelit (“iPOST”)

Perkhidmatan iPOST MEASAT menyediakan jalur lebar fleksibel untuk sambung-tara internet kepada pelanggan dengan menghubungkan lokasi tapak berjarak jauh ke tulang belakang internet berbilang kediaman. Melalui iPOST, MEASAT mampu menawarkan penyelesaian berskala yang disesuaikan dengan keperluan jalur lebar pelanggan supaya dapat memenuhi permintaan semasa dan permintaan masa depan mereka.

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Datuk Umar bin Haji Abu
(Pengerusi) Pengarah Bebas

Datuk Ramli bin Ibrahim
Pengarah Bebas

Augustus Ralph Marshall
Pengarah Bukan Eksekutif

Zam Ariffin bin Ismail
Pengarah Bukan Eksekutif

Chan Chee Beng
Pengarah Bukan Eksekutif

AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Datuk Ramli bin Ibrahim
(Pengerusi) Pengarah Bebas

Datuk Umar bin Haji Abu
Pengarah Bebas

Chan Chee Beng
Pengarah Bukan Eksekutif

SETIAUSAHA SYARIKAT

Chua Sok Mooi
(MAICSA No. 0777524)

IBU PEJABAT KORPORAT

MEASAT Teleport and Broadcast Centre
63000 Cyberjaya, Malaysia
No. Tel.: +60(3) 8213 2188
No. Faks: +60(3) 8213 2233
Laman web: www.measat.com

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 39, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur
No. Tel.: +60(3) 2380 6688
No. Faks: +60(3) 2380 6500

PENDAFTAR SAHAM

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Aras 6, Symphony House
Blok D13, Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel.: +60(3) 7841 8000
No. Fax: +60(3) 7841 8008

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
P O Box 10192
50706 Kuala Lumpur

PEGUAM

Cheong Kee Fong & Co.
Suites 6-3A – 6-8
Tingkat 6, Heritage House
33 Jalan Yap Ah Shak
50300 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

RHB Bank Berhad
Aras 1, Tower Two, RHB Centre
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
Aras 13, Menara Standard Chartered
30 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

CIMB Bank Berhad
Tingkat 10, Bangunan CIMB
Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

BURSA SAHAM

Bursa Malaysia Securities Berhad
(Pasaran Utama)

Lembaga Pengarah



1. *Datuk Umar bin Haji Abu*
2. *Chan Chee Beng*
3. *Datuk Ramli bin Ibrahim*
4. *Zam Ariffin bin Ismail*
5. *Augustus Ralph Marshall*

Profil Ahli Lembaga Pengarah

DATUK UMAR BIN HAJI ABU (Pengerusi) Pengarah Bebas



Datuk Umar bin Haji Abu, warganegara Malaysia berusia 66 tahun, dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi MEASAT Global Berhad pada 25 Ogos 1998. Beliau turut menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuan MEASAT Global Berhad. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit mulai September 1998 hingga 16 Februari 2007.

Datuk Umar memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Diploma dalam Pentadbiran Pembangunan dari University of Birmingham, UK.

Beliau memiliki rekod kerjaya yang cemerlang dalam perkhidmatan awam dengan menyandang pelbagai jawatan kanan, termasuk sebagai Datuk Bandar pertama bagi Bandaraya Ipoh dari tahun 1988 hingga 1993. Sebelum persaraan beliau daripada perkhidmatan kerajaan pada tahun 1998, beliau merupakan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad. Beliau juga tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam sebarang urusan yang berkonflik dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

DATUK RAMLI BIN IBRAHIM Pengarah Bebas

Datuk Ramli bin Ibrahim, warganegara Malaysia berusia 69 tahun, dilantik menganggotai Lembaga pengarah MEASAT Global Berhad pada 28 Jun 2002. Pada masa yang sama, beliau turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan telah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut sejak 16 Februari 2007. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuan dan ahli Jawatankuasa Pencalonan MEASAT Global Berhad. Datuk Ramli adalah Pengarah Bebas Kanan MEASAT Global Berhad.

Datuk Ramli mengikuti pengajian dalam bidang perakaunan, ditauliah di Australia dan berkelayakan sebagai seorang Akauntan Bertauliah. Beliau kini adalah Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia dan Akauntan Bertauliah (Malaysia).

Selepas mendapat kelayakan, beliau menyertai Peat Marwick Mitchell & Co. (kini dikenali sebagai KPMG) Malaysia sebagai Juruaudit Kanan pada tahun 1965 dan dinaikkan ke jawatan Rakan Kongsi Kanan, jawatan yang beliau sandang dari tahun 1989 hingga persaraan beliau pada tahun 1995. Datuk Ramli pernah menyandang jawatan Pengerusi Eksekutif Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Berhad dari tahun 1995 hingga 2000.

Datuk Ramli dilantik ke Lembaga Pengarah Yayasan Tuanku Syed Sirajuddin pada 18 Mac 2004, sebuah syarikat berhad mengikut jaminan.

Beliau kini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah beberapa syarikat senarai awam dan syarikat tidak disenarai, iaitu AEON Co. (M) Berhad, AEON Credit Service (M) Berhad dan Ranhill Berhad (sebagai syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities")), BCT Technology Berhad (disenaraikan di Pasaran ACE) dan HSBC Bank Malaysia Berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad. Beliau juga tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam sebarang urusan yang berkonflik dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Profil Ahli Lembaga Pengarah (Sambungan)

AUGUSTUS RALPH MARSHALL Pengarah Bukan Eksekutif



Ralph Marshall, warganegara Malaysia berusia 58 tahun, dilantik menganggotai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit MEASAT Global Berhad pada 8 Mei 2002. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit hingga 22 Disember 2008.

Beliau adalah seorang Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia serta mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun dalam pengurusan kewangan dan pengurusan am.

Ralph Marshall merupakan Pengarah Eksekutif Usaha Tegas Sdn. Bhd. ("Usaha Tegas") dan turut berkhidmat dalam lembaga pengarah di beberapa syarikat lain di mana Usaha Tegas mempunyai kepentingan besar di dalamnya iaitu ASTRO ALL ASIA NETWORKS plc (disenaraikan di Bursa Securities) di mana beliau juga merupakan timbalan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif kumpulan serta sebagai Pengarah Eksekutif Tanjong Public Limited Company ("Tanjong") (disenaraikan di Bursa Securities dan juga di London Stock Exchange plc). Beliau turut berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif dalam lembaga pengarah di beberapa syarikat lain di mana Usaha Tegas mempunyai kepentingan besar di dalamnya iaitu Maxis Berhad (disenaraikan di Bursa Securities), Johnston Press plc (disenaraikan di London Stock Exchange plc), Arnhold Holdings Limited (disenaraikan di The Stock Exchange of Hong Kong Limited) dan Powertek Berhad (sebuah syarikat subsidiari milik penuh Tanjong).

Beliau juga merupakan seorang pengarah bukan eksekutif bebas dan pengerusi jawatankuasa audit KLCC Property Holdings Berhad (disenaraikan di Bursa Securities).

Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang urusan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya di mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

ZAM ARIFFIN BIN ISMAIL Pengarah Bukan Eksekutif

Zam Ariffin bin Ismail, warganegara Malaysia berusia 46 tahun, dilantik sebagai Pengarah Syarikat pada 27 Jun 2008. Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Gantian kepada Khairussaleh bin Ramli, bekas Pengarah Syarikat yang berkhidmat mulai 24 November 2006 hingga 27 Jun 2008.

Zam Ariffin memiliki Ijazah Sarjana dalam Perakaunan Profesional dari St. Louis University, St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sains Perakaunan dari Emporia State University, Emporia, Kansas, Amerika Syarikat.

Beliau kini adalah Naib Presiden, Perniagaan Sokongan, sebuah bidang perniagaan dalam Telekom Malaysia Berhad ("TM").

Zam Ariffin pernah menyandang pelbagai jawatan pengurusan kanan termasuk dalam bidang kewangan korporat, hubungan pelabur, pengurusan kontrak dan pengurusan kewangan, sebahagian besarnya dalam industri telekomunikasi. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1987 sebagai Pegawai Bon di Cagamas Berhad. Pada bulan Mei 1989, beliau telah menyertai TM sebagai Penolong Pengurus, Pembiayaan dan Projek Khas dalam Bahagian Kewangan Korporat. Beliau kemudian dinaikkan untuk memegang jawatan Pengurus/Ketua Forex, Kewangan dan Projek Khas dari Oktober 1992 hingga Mei 1996, dan seterusnya menyertai Telekom Cellular Sdn. Bhd. (TM Touch) sebagai Pengurus Besar, Bahagian Kewangan pada Jun 1996.

Dari bulan Januari 2000 hingga Ogos 2006, Zam Ariffin telah berkhidmat di Maxis Communications Berhad sebagai Ketua dan Pengurus Kanan (Jabatan Perancangan Perniagaan & Kewangan, Bahagian Kejuruteraan Rangkaian & Operasi) serta Pengurus Kanan (Jabatan Pengurusan Kontrak, Bahagian Kewangan & Pentadbiran), sebelum kembali ke TM untuk menyandang jawatan Pengurus Besar, TM Ventures pada Ogos 2006.

Zam Ariffin turut menganggotai lembaga pengarah di beberapa syarikat subsidiari dalam syarikat-syarikat Kumpulan TM.

Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang urusan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya di mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



CHAN CHEE BENG Pengarah Bukan Eksekutif



Chan Chee Beng, warganegara Malaysia berusia 54 tahun, dilantik menganggotai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit MEASAT Global Berhad pada 22 Disember 2008.

Beliau memegang Ijazah Ekonomi dan Perakaunan serta merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants di England dan Wales.

Chan Chee Beng mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun dalam perbankan pelaburan, pengurusan kewangan dan perakaunan termasuk pernah berkhidmat dengan Ernst & Young dan Morgan Grenfell & Co Ltd. Beliau menyertai Kumpulan Usaha Tegas pada tahun 1992 sebagai ketua kewangan korporat dan pada masa ini, beliau merupakan pengarah eksekutif Usaha Tegas serta turut berkhidmat di lembaga pengarah beberapa syarikat di mana Usaha Tegas mempunyai kepentingan besar di dalamnya iaitu Maxis Berhad (disenaraikan di Bursa Securities) dan Sri Lanka Telecom PLC (disenaraikan di Colombo Stock Exchange).

Beliau turut menganggotai lembaga pengarah Kumpulan Bumi Armada Berhad dan Maxis Communications Berhad (syarikat pegangan Maxis Berhad).


Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang urusan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya di mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Pengurusan Kanan

Paul Brown-Kenyon



Dr. Ali R. Ebadi



Farah Suhanah Ahmad Sarji



Terry Bleakley



Azih M. Zin



Pengurusan Kanan (Sambungan)

PAUL BROWN-KENYON

Ketua Pegawai Operasi

Paul Brown-Kenyon menyertai MEASAT pada tahun 2003 sebagai Naib Presiden, Jualan dan Pemasaran sebelum mengambilalih jawatan Ketua Pegawai Operasi pada tahun 2004. Sebelum menyertai MEASAT, Paul pernah berkhidmat selama enam tahun dengan McKinsey & Company di pejabat firma tersebut di Singapura, Hong Kong dan Stamford (Amerika Syarikat).

Paul berkelulusan MBA dari Yale School of Management, Amerika Syarikat, dan MA (Oxon) dalam bidang Ekonomi Kejuruteraan dan Pengurusan dari Hertford College, University of Oxford, UK.

Beliau adalah ahli Majlis Pentadbir, Cable & Satellite Broadcasting Association of Asia (CASBAA).

DR. ALI R. EBADI

Naib Presiden Kanan (Pembangunan Sistem Angkasa Lepas)

Dr. Ali R. Ebadi menyertai MEASAT pada tahun 1991 dan kini merupakan Naib Presiden Kanan, Pembangunan Sistem Angkasa Lepas. Sebelum menyertai MEASAT, Ali adalah seorang pensyarah sepenuh masa di UiTM (Universiti Teknologi Mara, Malaysia), dan pensyarah sambilan di Universiti Malaya.

Beliau berkelulusan PhD Kejuruteraan Elektrik, MSc Kejuruteraan dan Operasi Radio dan BSc Kejuruteraan Elektrik.

Ali adalah Pengerusi Lembaga Peraturan Radio (RRB) bagi Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), merupakan seorang Jurutera Profesional Bertauliah dengan Institution of Engineers of Australia (IE Aust), Jurutera Bertauliah dengan Institution of Engineering & Technology (IET) UK dan ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM).

FARAH SUHANAH AHMAD SARJI

Penasihat Am

Farah Suhanah menyertai MEASAT sebagai Penasihat Am pada tahun 2003. Sebelum menyertai MEASAT, Farah merupakan seorang peguam di firma guaman Tetuan Zaid Ibrahim & Co. sebagai Rakan Kongsi dalam Amalan Projek Kerajaan dan Projek Khas.

Farah berkelulusan BA (Kepujian) Undang-undang dari University of Kent at Canterbury, UK dan merupakan Barrister at Law of the Middle Temple of London. Beliau telah diterima ke Bar Malaysia dan memegang sijil amalan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

TERRY BLEAKLEY

Naib Presiden (Operasi Komersil)

Terry Bleakley menyertai MEASAT pada tahun 2007 dan kini menyandang jawatan Naib Presiden, Operasi Komersil. Sebelum menyertai MEASAT, Terry pernah menyandang beberapa jawatan jualan kanan di Intelsat dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah Jualan Urusan (Asia Pasifik) sebelum meninggalkan syarikat tersebut.

Terry berkelulusan ijazah Sarjana Muda Sains dari Victoria University, New Zealand dan Diploma Selepas Ijazah Pertama dalam Pengajian Penerbangan dan Perniagaan. Beliau juga memiliki lesen Juruterbang Komersil.

AZIH M. ZIN

Ketua Kejuruteraan & Operasi Satelit

Azih M. Zin menyertai MEASAT pada tahun 1995 dan kini menyandang jawatan Ketua Kejuruteraan & Operasi Satelit. Sebelum menyertai MEASAT, Azih pernah berkhidmat dengan Shell selama sepuluh tahun sebagai Jurutera Elektronik, dan pernah bertugas sebagai pensyarah kejuruteraan elektronik selama lebih lapan tahun di Universiti Malaya.

Azih berkelulusan MSc dan BSc Kejuruteraan Elektrik dari Syracuse University, Amerika Syarikat.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah MEASAT Global Berhad telah mengesahkan komitmennya dalam memelihara piala tadbir urus dan kewibawaan perniagaan tertinggi dan menerima pakai prinsip-prinsip dan amalan terbaik seperti yang digariskan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2007) (“Kod”) dan Keperluan Penyenaraian (“KP”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”).

Bagi mencapai matlamat tersebut, Lembaga telah mengkaji beberapa langkah tadbir urus yang sebelum ini pernah dilaksanakan bagi mencapai pematuhan dengan Kod dan KP.

PEMATUHAN TERHADAP KOD

Bahagian ini dalam Laporan Tahunan menghuraikan cara bagaimana Syarikat mengamalkan Prinsip-prinsip seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Kod dan tahap pematuhannya terhadap Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang digariskan dalam Bahagian 2 Kod pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Para Pengarah mengesahkan bahawa pada sepanjang tahun ini, Syarikat telah mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod setakat mana ia bersesuaian dengan Syarikat, tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- a) Pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif; dan
- b) Mengkaji dan mengesyorkan imbuhan para pengarah eksekutif.

Dengan ketiadaan ketua pegawai eksekutif, Lembaga menegaskan bahawa, buat masa ini, pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif tidak perlu diformalkan atau tidak perlu mempertimbangkan sebarang perkara berkaitan imbuhan para pengarah eksekutif.

1. Lembaga Pengarah

Para Pengarah mengakui kepentingan peranan yang mereka mainkan dalam menentukan hala tuju, pembangunan dan kawalan strategik Kumpulan dan telah menerima pakai enam tanggungjawab utama seperti yang dinyatakan dalam Kod supaya mereka dapat menerajui Kumpulan dengan berkesan.

1.1 Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga terdiri daripada lima orang Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana dua daripada mereka adalah Bebas, justeru, memenuhi keperluan bahawa sekurang-kurangnya dua orang Pengarah atau satu pertiga daripada Lembaga hendaklah terdiri daripada pengarah bebas.

Secara berkumpulan, para Pengarah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perniagaan, telekomunikasi, perbankan, kewangan korporat dan bidang pengurusan am. Sepanjang tahun kewangan ini, Jawatankuasa Pencalonan telah mengkaji komposisi dan keseimbangan Lembaga, gabungan kelayakan, kemahiran serta daya saingnya, dan mengesahkan bahawa komposisi Lembaga mempunyai gabungan kemahiran dan daya saing yang wajar untuk memenuhi keperluan perniagaan Kumpulan dan oleh yang demikian, tiada cadangan telah dikemukakan kepada Lembaga bagi sebarang perubahan.

Perniagaan teras Kumpulan dikemudi oleh lembaga pengarah syarikat subsidiarinya dan diuruskan oleh sekumpulan kakitangan pengurusan yang mana kedua-duanya mahir tentang selok-belok perniagaan Kumpulan. Saiz dan komposisi Lembaga pada masa ini memenuhi keperluan semasa Kumpulan.

Para Pengarah Bebas menyumbangkan pertimbangan yang berobjektif dan bebas terhadap pelbagai isu yang ditangani di peringkat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Datuk Ramli bin Ibrahim adalah Pengarah Bebas Kanan di mana sebarang kemusykilan boleh disampaikan kepada beliau. Melalui penyertaan mereka dalam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan, para Pengarah Bebas memainkan peranan utama dan penting dalam Lembaga bagi memupuk amalan tadbir urus korporat yang baik dalam hal ehwal Kumpulan.

Para Pengarah Bebas bersama-sama dengan Pengarah Bukan Eksekutif yang lain turut memberi sumbangan besar dalam bidang-bidang berkaitan dasar, pemantauan prestasi, peruntukan sumber,

kajian bidang-bidang yang terdedah kepada risiko dan tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut, peningkatan kawalan dan piawaian tatacara.

Profil ringkas setiap Pengarah dibentangkan di muka surat 16 dan 17 dalam Laporan Tahunan ini.

1.2 Pelantikan ke Lembaga

Tataurusan Pertubuhan Syarikat memperuntukkan agar satu pertiga daripada bilangan Pengarah sedia ada (kecuali para Pengarah yang dilantik selepas Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang lalu) perlu menawarkan diri untuk pemilihan semula mengikut giliran pada setiap tahun. Di samping itu, semua Pengarah akan menawarkan diri untuk pemilihan semula sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk memberi peluang kepada para pemegang saham mempertimbangkan pembaharuan mandat mereka. Pemilihan setiap Pengarah dilakukan secara undian yang berasingan. Untuk membantu para pemegang saham membuat keputusan, maklumat mengenai setiap Pengarah termasuk Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula di AGM, disediakan dalam Laporan Tahunan ini di bawah bahagian Profil Lembaga Pengarah.

Selain daripada para Pengarah yang dipilih semula pada AGM yang lalu, tiada pelantikan baru ke Lembaga Pengarah telah dilakukan sepanjang tahun ini.

1.3 Mesyuarat dan Prosedur Lembaga

Notis sewajarnya diberi terlebih dahulu mengenai mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan dan mengenai perkara-perkara yang akan diuruskan di mesyuarat tersebut. Mesyuarat tambahan dipanggil apabila keputusan segera dan penting perlu diambil di luar mesyuarat yang telah dijadualkan. Rekod sewajarnya bagi semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta keputusan yang diambil di setiap mesyuarat disimpan oleh Setiausaha dan disampaikan dengan segera untuk tindakan Pengurusan, jika perlu. Pada tahun kewangan ini,

lima mesyuarat Lembaga telah diadakan. Maklumat kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga pada tahun kewangan ini dinyatakan seperti di bawah:

PENGARAH	KEHADIRAN
Datuk Umar bin Haji Abu	5/5*
Datuk Ramli bin Ibrahim	5/5*
Augustus Ralph Marshall	5/5*
Zam Ariffin bin Ismail	5/5*
Chan Chee Beng	3/5*

Nota:

* Bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun kewangan ini.

Lembaga mempunyai sebuah Manual yang mentakrif Had Kuasa Pengurusan berhubung perkara-perkara operasi dan pentadbiran termasuk sebuah Jadual Perkara-perkara yang dikhususkan untuk Lembaga bagi memastikan hala tuju dan kawalan ke atas Kumpulan berada sepenuhnya di bawah kuasa Lembaga, mengikut kesesuaian. Manual dan Jadual tersebut dikaji dan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Perkara utama yang buat masa ini dikhususkan kepada Lembaga termasuk meluluskan rancangan strategik, belanjawan operasi tahunan, penyata kewangan suku tahun dan tahunan, strategi pemasaran serta daya saing, pengambilalihan dan penjualan penting serta dasar-dasar utama yang mempengaruhi Kumpulan serta pemantauan prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

1.4 Bekalan Maklumat

Para Pengarah dibekalkan dengan semua maklumat dan laporan berkaitan kewangan, operasi, korporat, penguatkuasaan peraturan, pembangunan perniagaan dan perkara-perkara berkaitan audit melalui kertas-kertas Lembaga yang dibentangkan di mesyuarat Lembaga atau apabila diminta secara khusus, bagi membolehkan keputusan secara termaklum dibuat dan bagi pelaksanaan tugas yang berkesan.

Prosedur dan tarikh akhir telah ditetapkan untuk membolehkan maklumat dan laporan tersebut disebarkan tepat pada masanya bagi tujuan mesyuarat Lembaga atau mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, untuk menghasilkan kesan daripada keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan untuk menangani sebarang perkara yang timbul daripada mesyuarat tersebut. Jika terdapat sebarang perkembangan lain selepas itu, ahli-ahli Lembaga akan diberi taklimat oleh Pengurusan berkaitan pada Mesyuarat Lembaga. Para Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, dalam menjalankan tugas mereka menurut prosedur yang telah digariskan. Walaupun semua Pengarah mempunyai akses kepada maklumat berkaitan Syarikat, namun Lembaga telah memformalkan satu prosedur untuk para Pengarah mendapatkan sebarang maklumat berhubung Syarikat.

Para Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

1.5 Latihan Pengarah

Para Pengarah mengakui bahawa perkara asas yang menentukan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab dan kewajipan adalah tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap tanggungjawab dan kewajipan tersebut. Program Orientasi dan Pendidikan Pengarah yang menyediakan induksi, orientasi dan pendidikan berterusan kepada para Pengarah telah diformalkan sebelum ini, melibatkan forum dalaman dan luaran yang bertujuan memberi maklumat kepada para Pengarah dan mempertingkatkan pengetahuan mereka sebagai Pengarah melalui pengwujudan kesedaran sedemikian. Semua Pengarah telah selesai menjalani Program Akreditasi Mandatori yang dikendalikan oleh Bursa Securities. Para Pengarah turut dinasihati berhubung sebarang perkembangan atau perubahan terhadap keperluan undang-undang dan penguatkuasaan peraturan yang berkaitan serta program latihan dan pendidikan yang bersesuaian dikenalpasti untuk mereka sertai dari semasa ke semasa.

Para Pengarah sentiasa dimaklumkan oleh Pengurusan berkaitan isu-isu industri dan teknikal serta pemasaran satelit yang mempengaruhi perniagaan di peringkat nasional, serantau dan global menerusi laporan bulanan dan taklimat semasa mesyuarat Lembaga. Ini bertujuan untuk memastikan supaya para Pengarah dilengkapi dengan pengetahuan berkaitan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang berkesan.

Pada tahun kewangan yang ditinjau, para Pengarah telah menghadiri dan mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan/forum baik secara luaran atau dalaman yang mereka anggap relevan dan berguna secara individu atau kolektif dalam menyumbang kepada pelaksanaan tugas mereka sebagai Pengarah dengan berkesan. Program-program yang dihadiri oleh mereka meliputi bidang-bidang berikut:

- Kepimpinan dan Transformasi Perniagaan;
- Kemaskini Tadbir Urus Korporat;
- Forum Pengarah;
- Maklumat dan kemaskini laporan kewangan/persidangan MASB;
- Tanggungjawab Lembaga/kawalan dalaman dan pengurusan risiko;
- Rangka kerja baru bagi penyenaian dan pengumpulan dana ekuiti; dan
- Maklumat perbankan.

2. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga orang Pengarah yang mana dua daripada mereka adalah bebas dan jawatan Pengerusi dipegang oleh Datuk Ramli bin Ibrahim.

Komposisi Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 26 hingga 29 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi utama Jawatankuasa Audit meliputi:

- (i) mengkaji rancangan audit, skop penglibatan dan imbuhan Juruaudit Luar serta perbincangan mengenai audit, isu-isu perakaunan dan pematuhan serta syor-syor yang terkandung dalam laporan mereka;
- (ii) mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit;
- (iii) mengkaji kecukupan skop, fungsi, kebebasan, daya saing dan sumber fungsi Audit Dalaman, meluluskan Piagam Audit Dalaman, dan mengkaji serta membincangkan penemuan dan syor-syor di dalam Laporan Audit Dalaman; dan
- (iv) mengkaji dan memantau urusan pihak berkaitan.

Seperti yang diperuntukkan dalam bidang kuasanya, Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan Juruaudit Luar Syarikat tanpa kehadiran Pengurusan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Peranan Jawatankuasa Audit berkaitan Juruaudit Luar dihuraikan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini.

Ketua fungsi Audit Dalaman melapor kepada Jawatankuasa Audit.

Sebuah prosedur formal telah disediakan untuk Ahli Jawatankuasa Audit mendapatkan nasihat profesional bebas, dalam melunaskan tugas-tugas mereka.

Komposisi dan terma rujukan lengkap yang mematuhi KP Bursa Securities dan Kod, kehadiran para Pengarah dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan ini dibentangkan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini. Terma rujukan Jawatankuasa Audit juga terdapat dalam laman web Syarikat di www.measat.com.

3. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan dibentuk pada 19 Ogos 2002 dengan terma rujukan khusus. Kini ia terdiri daripada dua orang Pengarah Bebas dengan Datuk Umar bin Haji Abu berperanan sebagai Pengerusi dan Datuk Ramli bin Ibrahim sebagai ahli.

Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab mengemukakan syor-syor kepada Lembaga mengenai saiz optimum Lembaga, memformalkan satu prosedur telus bagi mencadangkan calon-calon baru untuk menganggotai Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan supaya pelaburan pemegang saham minoriti diwakili secara saksama dalam Lembaga. Jawatankuasa Pencalonan turut membantu Lembaga mengkaji pada setiap tahun, gabungan kemahiran dan pengalaman Pengarah yang diperlukan dan mengemukakan syor-syor mengenainya.

Jawatankuasa Pencalonan telah menyediakan satu proses yang diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2004 untuk menilai keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan setiap Pengarah secara individu ("Proses bagi Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah"). Penilaian Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan setiap Pengarah secara individu bagi setiap tahun kewangan dijalankan pada bulan Januari tahun berikutnya selaras dengan proses yang disediakan.

Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat pada tahun ini untuk mengkaji perkara-perkara di bawah bidang kuasanya yang meliputi perkara-perkara berikut dan mengemukakan syor-syor yang wajar kepada Lembaga:

- mengkaji gabungan kelayakan, kemahiran dan daya saing serta komposisi Lembaga;
- mengkaji Proses bagi Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah termasuk rangka penilaian; dan
- menetapkan jadual bagi penilaian tahunan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan para Pengarah secara individu.

Berikutan kajian tersebut, Jawatankuasa Pencalonan mengesahkan bahawa gabungan kemahiran dan komposisi Lembaga masih bersesuaian untuk Syarikat, justeru, satu syor telah dikemukakan kepada Lembaga di mana tiada perubahan saiz, atau gabungan kemahiran atau kecekapan Lembaga diperlukan buat masa ini.

Selain itu, walaupun Jawatankuasa Pencalonan merumuskan bahawa Proses Penilaian Tahunan Lembaga seperti yang diluluskan pada masa lalu masih bersesuaian, namun satu rangka penilaian yang dipertingkatkan telah diterima pakai pada 2009. Rangka yang dipertingkatkan tersebut telah digunakan untuk penilaian pengarah secara individu, Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga Pengarah secara menyeluruh bagi tahun kewangan berakhir 2009. Penemuan daripada penilaian tahunan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan para Pengarah secara individu bagi tahun berakhir 2009, yang dijalankan pada bulan Januari tahun ini, telah dilaporkan secara memuaskan kepada Lembaga oleh Pengerusi.

4. **Jawatankuasa Imbuhan**

Lembaga menubuhkan sebuah Jawatankuasa Imbuhan pada 19 Ogos 2002. Komposisi Jawatankuasa Imbuhan adalah sama dengan Jawatankuasa Pencalonan dengan Datuk Ramli bin Ibrahim sebagai Pengerusinya.

Jawatankuasa Imbuhan bertanggungjawab mengemukakan syor-syor mengenai dasar dan rangka kerja imbuhan Pengarah serta imbuhan dan syarat perkhidmatan para pengarah eksekutif dan di mana wajar, akan mendapatkan nasihat juruperunding luar. Dengan ketiadaan para pengarah eksekutif dalam Lembaga, Jawatankuasa ini mendapati tidak perlu untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara berkaitan imbuhan pengarah eksekutif.

Imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga secara keseluruhan di mana para pengarah secara individu akan mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan mengenai imbuhan mereka sendiri. Imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif turut mengambil kira pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab yang mereka perlu pikul serta peranan penting yang

mereka mainkan dan masa yang disumbangkan dalam mengendalikan perkara-perkara berkaitan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.

Tataurusan Pertubuhan memperuntukkan bahawa sebarang kenaikan imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif perlu diluluskan dalam mesyuarat agung. Tataurusan yang dipinda pada AGM 2003 tersebut memperuntukkan bahawa yuran Pengarah hendaklah tidak melebihi RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah. Tiada perubahan dalam taraf imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif sepanjang tahun. Untuk maklumat terperinci mengenai imbuhan Pengarah, sila rujuk muka surat 33 dan 61 dalam Laporan Tahunan ini.

5. **Kawalan Dalaman**

Lembaga mengakui kepentingan amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berwibawa bagi mencapai tadbir urus korporat yang baik dan melindungi pelaburan pemegang saham serta aset Kumpulan. Kajian proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dijalankan di dalam unit-unit operasi Kumpulan dilaksanakan secara berterusan dengan bantuan fungsi Audit Dalaman.

Sila rujuk muka surat 30 hingga 32 dalam Laporan Tahunan ini bagi mendapatkan Penyata Kawalan Dalaman Pengarah.

6. **Perancangan Penggantian**

Lembaga turut bertanggungjawab memastikan agar pihak Pengurusan adalah dari kalangan individu berkaliber tinggi agar berpadanan dan memenuhi keperluan jangka pendek dan jangka panjang Kumpulan. Kriteria dan program-program yang bersesuaian turut diwujudkan untuk pelantikan, latihan dan perancangan penggantian bagi jawatan-jawatan Pengurusan penting syarikat subsidiari operasinya, MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd ("MEASAT"). Untuk itu, Kumpulan telah mewujudkan sebuah program untuk melatih dan membangunkan pihak Pengurusan dan menyediakan kaedah penggantian yang tersusun untuk kakitangan penting untuk MEASAT.

7. **Dasar Komunikasi Pemegang Saham dan Perhubungan Pelabur**

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan komunikasi yang berkesan dan penafsiran yang tepat terhadap operasi Kumpulan yang perlu disampaikan kepada para pemegang saham serta masyarakat pelabur profesional sambil membuka peluang untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian. Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah telah memformalkan Dasar Komunikasi Pemegang Saham Dan Perhubungan Pelabur (“Dasar”).

Dasar ini membentangkan kaedah dan medium komunikasi serta tahap maklumat yang akan disediakan kepada para pemegang saham, pemegang kepentingan lain dan orang ramai secara umum, bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang termaklum. Laporan-laporan tahunan, pekeliling kepada para pemegang saham serta pengumuman berperanan sebagai instrumen komunikasi serta penyebaran maklumat utama, manakala mesyuarat agung diiktiraf oleh Lembaga Pengarah sebagai forum penting untuk memberi peluang berinteraksi secara langsung dengan para pemegang saham bagi menangani persoalan dan kemusykilan yang mereka bangkitkan mengenai operasi, prestasi kewangan serta perkembangan utama Kumpulan yang dijelaskan tertakluk kepada Dasar Pendedahan Korporat Syarikat. Untuk maklumat lanjut, para pemegang saham juga boleh melayari laman web di www.measat.com.

Notis mesyuarat agung sewajarnya yang diberi menyediakan maklumat secukupnya mengenai urusan yang akan dilaksanakan di mesyuarat tersebut, dan turut disiarkan di dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris edaran nasional untuk membolehkan penyebaran notis tersebut secara lebih meluas bagi menggalakkan penyertaan para pemegang saham. Borang proksi yang disertakan dengan notis ini juga mengandungi maklumat yang mencukupi mengenai kaedah kehadiran dan cara bagaimana para ahli boleh melaksanakan hak mengundi mereka.

Dasar ini memperuntukkan supaya semua Pengarah dan Pengurus Kanan menghadiri mesyuarat agung. Persoalan atau kemusykilan yang dibangkitkan akan dianggap sebagai maklum balas yang perlu diambil kira dalam

keputusan perniagaan atau keputusan korporat Syarikat.

Dasar ini juga memperuntukkan mesyuarat atau dialog dengan ahli Lembaga Pengarah atau Pengurusan apabila diminta oleh para pelabur institusi, pengurus dana dan penganalisis untuk memberi penjelasan mengenai strategi dan prestasi Kumpulan bagi tujuan untuk memupuk pemahaman objektif secara menyeluruh.

Penggunaan Dasar Pendedahan Korporat mengambil kira keperluan pendedahan korporat seperti yang ditetapkan dalam keperluan dan garis panduan pihak penguatkuasa peraturan yang sedia ada, memberi pertimbangan sewajarnya kepada keperluan para pemegang saham dan masyarakat pelabur bagi memastikan supaya maklumat sensitif harga, penerbitan keputusan suku tahunan dan keputusan tahunan serta cadangan-cadangan korporat yang lain dikeluarkan tepat pada masanya.

Pada tahun 2009, Syarikat terus mengambil bahagian dalam Dana Pembangunan Pasaran Modal – Skim Penyelidikan Bursa (“CBRS”) yang dilancarkan oleh Bursa Securities, bertujuan untuk memastikan liputan penyelidikan yang lebih luas ke atas syarikat-syarikat tersenarai bagi membolehkan para pelabur membuat keputusan termaklum dengan lebih baik dan membantu mencapai pemahaman yang lebih mendalam di kalangan para pelabur berhubung syarikat-syarikat tersenarai dan saham mereka. Pengaturan semasa dengan CBRS berakhir pada April 2010.

8. **Laporan Kewangan**

Satu penyata oleh para Pengarah mengenai tanggungjawab mereka dalam menyediakan penyata kewangan disediakan dalam Penyata Tanggungjawab Pengarah di muka surat 35 dalam Laporan Tahunan ini.

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunannya, para Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan kepada para pemegang saham dan penguatkuasa peraturan.

Laporan Jawatankuasa Audit

KOMPOSISI

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit (“Jawatankuasa”) terdiri daripada para Pengarah berikut:

NAMA	JAWATAN
Datuk Ramli bin Ibrahim (Pengerusi)	Pengarah Bebas
Datuk Umar bin Haji Abu	Pengarah Bebas
Chan Chee Beng	Pengarah Bukan Eksekutif

MESYUARAT

Jawatankuasa bermesyuarat lima kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan kehadiran ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

NAMA	KEHADIRAN
Datuk Ramli bin Ibrahim (Pengerusi)	5/5*
Datuk Umar bin Haji Abu	5/5*
Chan Chee Beng	3/5*

* Bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun kewangan ini.

Wakil-wakil pihak Pengurusan, Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar menghadiri semua mesyuarat suku tahunan atas jemputan Pengerusi. Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa turut bermesyuarat dua kali dengan Juruaudit Luar untuk membincangkan hal-hal berkaitan audit tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

RINGKASAN AKTIVITI

Jawatankuasa, antara lain, telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut pada tahun kewangan ini selaras dengan terma rujukan Jawatankuasa (“Terma Rujukan”):

- Mengkaji keputusan suku tahunan, penyata kewangan dan pengumuman berkaitan untuk dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) bagi memastikan pematuhan dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (“KP”) Bursa Securities yang berkaitan, peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang bersesuaian dan diluluskan di Malaysia.

- Mengkaji keputusan proses Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan.
- Mengkaji skop kerja, cadangan yuran audit, laporan audit dan rancangan audit Juruaudit Luar bagi tahun ini.
- Mengkaji rancangan Audit Dalaman bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, dan membincangkan penemuan penting yang timbul daripada kajian Audit Dalaman yang dijalankan pada tahun ini serta tindakan yang telah diambil oleh Pengurusan untuk mengatasi kelemahan atau kekurangan tersebut.
- Mengkaji urusan pihak berkaitan bagi memastikan supaya urusan tersebut dilaksanakan untuk kepentingan Kumpulan dan atas syarat komersial biasa dan tidak menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti.
- Memberi perhatian kepada isu-isu laporan kewangan baru menurut pengenalan piawaian perakaunan baru serta keperluan pendedahan berkanun dan penguatkuasaan peraturan tambahan.

Pada tahun kewangan ini, ahli-ahli Jawatankuasa telah diberi taklimat dan dikemaskini berhubung perubahan penguatkuasaan peraturan dan teknikal semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah (“Lembaga”) dan telah menghadiri sesi-sesi latihan yang diadakan secara dalaman serta kursus dan forum luar yang dijalankan oleh para profesional dalam bidang kepakaran mereka. Sesi latihan luar yang dihadiri termasuk kursus/seminar/forum dalam bidang-bidang berikut:

- Panduan Tadbir Urus Korporat;
- Pemahaman dan kemaskini berkaitan laporan kewangan/persidangan MASB;

- Tanggungjawab Lembaga/kawalan dalaman dan pengurusan risiko;
- Rangka kerja baru bagi penyenaiaan dan pengumpulan dana ekuiti; dan
- Pemahaman berkaitan perbankan.

Sebagai ahli Lembaga, ahli Jawatankuasa juga sentiasa dimaklumkan oleh Pengurusan menerusi laporan-laporan bulanan tentang industri satelit dan isu-isu berkaitan teknikal dan pemasaran yang mempengaruhi perniagaan.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan dilaksanakan oleh UTSB Management Sdn. Bhd. ("UTSBM"), di bawah perjanjian perkhidmatan perundingan dan pengurusan yang telah dimeterai antara Kumpulan dan UTSBM. UTSBM adalah syarikat yang dianggap berkaitan dengan Kumpulan menurut KP Bursa Securities. Bidang kuasa dan tanggungjawabnya ditadbir oleh Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Ketua fungsi Audit Dalaman melapor secara langsung kepada Jawatankuasa.

Fungsi Audit Dalaman menggunakan pendekatan berasaskan risiko untuk menilai bidang kewangan, operasi dan pematuhan dalam Kumpulan. Fokus audit ditumpukan kepada bidang risiko utama yang telah dikenalpasti sepanjang proses Pengurusan Risiko Perniagaan.

Fungsi Audit Dalaman menjalankan, antara lain, aktiviti-aktiviti berikut pada tahun kewangan ini:

- Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan mengesyorkan peningkatan yang diperlukan.
- Memastikan pematuhan dengan dasar dan prosedur yang ditetapkan serta keperluan penguatkuasaan peraturan.
- Mengenalpasti peluang-peluang peningkatan dalam proses perniagaan dan operasi.

TERMA RUJUKAN

Terma Rujukan Jawatankuasa yang diringkaskan di bawah dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan dengan KP Bursa Securities dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

1. Keahlian

1.1 Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah ("Lembaga") dari kalangan ahli mereka dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga ahli, yang majoritinya hendaklah pengarah bebas. Semua ahli Jawatankuasa hendaklah merupakan para pengarah bukan eksekutif.

1.2 Setiap ahli Jawatankuasa hendaklah mampu menafsir dan memahami penyata kewangan asas termasuk kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai Kumpulan atau hendaklah mampu berbuat demikian dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan ke Jawatankuasa.

1.3 Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- (a) Mesti merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (b) Jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - (i) beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - (ii) beliau mesti merupakan seorang ahli dalam salah sebuah persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - (iii) beliau mempunyai ijazah sarjana muda/ijazah sarjana/kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan pengalaman pasca kelayakan sekurang-kurangnya selama tiga tahun dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - (iv) beliau mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama tujuh tahun sebagai ketua pegawai kewangan sesebuah syarikat atau berfungsi atau bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan hal ehwal kewangan sesebuah syarikat; atau
 - (v) beliau memenuhi keperluan-keperluan lain yang digariskan atau diluluskan oleh Bursa Securities.

1.4 Lembaga perlu memastikan supaya Pengarah Gantian tidak dilantik sebagai ahli Jawatankuasa.

1.5 Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan mereka.

2. Kuasa dan Hak

Apabila perlu dan munasabah bagi melaksanakan tugasnya, selaras dengan prosedur yang telah ditentukan oleh Lembaga dan dengan kos yang ditanggung oleh Syarikat, Jawatankuasa hendaklah:

- (a) mempunyai kuasa untuk menyasiat sebarang perkara dalam Terma Rujukannya;
- (b) mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- (c) mempunyai akses penuh dan tidak terhalang kepada sebarang maklumat berhubung Kumpulan;
- (d) mempunyai saluran komunikasi langsung dengan Juruaudit Luar dan individu (individu-individu) yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman;
- (e) boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau dari pihak lain serta mendapatkan kehadiran pihak luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan jika difikirkan perlu; dan
- (f) boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman atau kedua-duanya sekali, tanpa dihadiri oleh para pengarah dan kakitangan Kumpulan yang lain, apabila dianggap perlu.

3. Fungsi dan Tugas

Jawatankuasa hendaklah, antara lain, menjalankan fungsi-fungsi berikut:

3.1 Mengkaji perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Syarikat:

(a) Berkaitan Juruaudit Luar,

- pelan audit, skop kerja dan memastikan supaya ia akan memenuhi keperluan Lembaga, para pemegang saham serta penguatkuasa peraturan;
- penilaian mereka berhubung kualiti dan keberkesanan seluruh sistem perakaunan, kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman serta kecekapan operasi dan usaha Kumpulan serta proses yang diambil untuk mengurangkan risiko operasi Kumpulan;
- laporan audit mereka;
- kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan kepada Juruaudit Luar;
- sebarang surat peletakan jawatan Juruaudit Luar Syarikat;
- sama ada wujud sebab (disokong oleh bukti) untuk mempercayai bahawa Juruaudit Luar Syarikat tidak sesuai untuk pelantikan semula; dan
- sebarang penemuan penting, kemusykilan, kesukaran yang dihadapi atau kelemahan ketara yang dilaporkan oleh Juruaudit Luar.

(b) Berkaitan fungsi Audit Dalaman,

- kecukupan skop, fungsi, kebebasan, kecekapan dan sumber fungsi Audit Dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerjanya;
- program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses atau penyiasatan yang dilakukan dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil berhubung syor-syor yang dikemukakan oleh fungsi Audit Dalaman;

- kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan kepada Juruaudit Dalaman; dan
 - sebarang penemuan audit penting, kemusykilan, kesukaran yang dihadapi atau kelemahan ketara yang dilaporkan oleh Juruaudit Dalaman.
- (c) keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan sebelum diluluskan oleh Lembaga.
- (d) laporan yang diterima berhubung kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko Kumpulan.
- (e) sebarang urusan pihak berkaitan dan antara syarikat serta keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat/Kumpulan dan mana-mana pihak berkaitan di luar Kumpulan termasuk sebarang urusan, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pengurusan.
- (f) kesesuaian dasar, prinsip dan amalan perakaunan yang diterimapakai oleh pengurusan dan diterima oleh Juruaudit Luar, di mana alternatifnya turut diterima.
- 3.2 Mengesyorkan pencalonan seseorang atau beberapa orang sebagai Juruaudit Luar, yuran audit luar dan yuran berkaitan perkhidmatan bukan audit yang mungkin dijalankan oleh Juruaudit Luar, memastikan supaya pelaksanaan perkhidmatan sedemikian tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti Juruaudit Luar.
- 3.3 Mengkaji dan memantau kebebasan serta objektiviti Juruaudit Luar dan keberkesanan proses audit setiap tahun.
- 3.4 Meluluskan pelantikan ahli kanan fungsi Audit Dalaman dan mempersoalkan peletakan jawatan ahli kanan serta memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan mengemukakan sebab beliau meletak jawatan.
- 3.5 Memantau dan mengkaji keberkesanan fungsi Audit Dalaman dari semasa ke semasa.
- 3.6 Melaporkan dengan segera kepada Bursa Securities berhubung sebarang perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Syarikat yang tidak diselesaikan secara memuaskan sehingga menyebabkan pelanggaran KP Bursa Securities.
- 3.7 Menyerahkan kepada Lembaga secara berkala, laporan mengenai ringkasan aktiviti Jawatankuasa dalam menjalankan fungsi dan tugasnya bagi setiap suku tahun dan tahun kewangan.
- 3.8 Menyediakan satu laporan jawatankuasa audit dengan bantuan pengurusan yang meliputi ringkasan aktiviti fungsi audit dalaman atau aktiviti untuk disertakan dalam laporan tahunan seperti yang dikehendaki oleh KP.
- 3.9 Mengkaji kaedah di mana ahli kakitangan di dalam Kumpulan boleh, dengan yakin, membangkitkan isu-isu mengenai kemungkinan penyelewengan dalam hal-hal laporan kewangan, kawalan kewangan atau perkara-perkara lain berkaitan perniagaan atau komersial.

4. Mesyuarat dan Minit

- 4.1 Bagi membentuk kuorum mesyuarat Jawatankuasa, majoriti ahli yang hadir hendaklah terdiri daripada para Pengarah Bebas.
- 4.2 Sekurang-kurangnya empat mesyuarat setahun perlu dirancang, walaupun mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa menurut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Audit.
- 4.3 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya dua kali setahun, tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif.
- 4.4 Buku yang mengandungi minit prosiding bagi sebarang mesyuarat Jawatankuasa hendaklah disimpan oleh Setiausaha di Pejabat Berdaftar Syarikat.

Penyata Kawalan Dalaman

PENGENALAN

Keperluan Penyenaian Pasaran Utama ("KP") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") menghendaki para pengarah sesebuah syarikat senarai awam untuk menyertakan satu penyata mengenai kedudukan kawalan dalaman sebagai sebuah kumpulan di dalam laporan tahunan. Selaras dengan peruntukan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) ("Kod") yang berkaitan, Lembaga Pengarah ("Lembaga") perlu mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang berwibawa untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan. Penyata Kawalan Dalaman: Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam ("Panduan") yang dikeluarkan oleh Bursa Securities menggariskan panduan berhubung pematuhan terhadap keperluan berkenaan. Penyata Kawalan Dalaman yang dibentangkan di bawah telah disediakan selaras dengan Panduan tersebut.

Juruaudit Luar telah mengkaji Penyata ini seperti yang dikehendaki oleh perenggan 15.23 KP. Kajian mereka dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan 5 ("RPG 5") yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Berdasarkan kajian mereka, Juruaudit Luar telah melaporkan kepada Lembaga bahawa tiada sebarang perkara mereka perhatikan yang menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata ini adalah tidak konsisten dengan pemahaman mereka mengenai proses yang diterimapakai oleh Lembaga dalam kajian berhubung kecukupan dan kewibawaan kawalan dalaman Kumpulan.

Juruaudit Luar tidak menganggap sama ada Penyata ini meliputi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pandangan berhubung keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan mereka untuk berbuat demikian.

TANGGUNGJAWAB

Lembaga mengakui tanggungjawabnya untuk mewujudkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berwibawa serta mengkaji keberkesanan sistem tersebut supaya Kumpulan dapat melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan menurut Kod dan selaras dengan Panduan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh batasan yang sedia ada dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal, bukannya menghapuskan risiko kegagalan mencapai objektif perniagaan. Justeru, sistem tersebut hanya boleh memberi jaminan yang munasabah dan bukan muktamad terhadap salah nyata atau kerugian yang ketara.

UNSUR-UNSUR KAWALAN DALAMAN

Lembaga telah menggunakan rangka kerja dan proses-proses berikut dalam mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman.

1. Pengurusan Risiko

Lembaga mengesahkan bahawa proses untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan telah tersedia dan proses tersebut telah dikaji oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Auditnya. Proses pengurusan risiko diselaras oleh Audit Dalaman Kumpulan bersama-sama dengan Ketua-ketua Jabatan dalam Kumpulan. Proses ini telah tersedia sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan telah diteruskan hingga ke tarikh Laporan Tahunan ini diluluskan. Ciri-ciri utama proses tersebut meliputi:

- Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"), yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi dan terdiri daripada ahli-ahli Pengurusan Kanan, untuk mengawasi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko. Ahli-ahli RMC mengkaji laporan suku tahunan mengenai aktiviti-aktiviti pengurusan risiko sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Audit.

Penyata Kawalan Dalaman (Sambungan)

- Pembentukan satu proses tersusun untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengurus risiko perniagaan yang dihadapi oleh Kumpulan. Keputusan aktiviti ini didokumenkan di dalam inventori risiko, peta risiko terperinci bagi setiap bidang perniagaan dan digabungkan menjadi peta risiko menyeluruh bagi Kumpulan.
- Pengenalpastian oleh Ketua-ketua Jabatan sebagai pemilik risiko yang bertanggungjawab memastikan supaya risiko berkenaan dikemaskini, dipantau dan diurus secara berterusan. Status rancangan tindakan bagi membendung risiko turut diperhatikan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat pada masanya.
- Melaporkan keputusan daripada proses pemantauan tersebut (termasuk sebarang perubahan ketara dalam profil risiko Kumpulan) kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga pada setiap suku tahun.
- Memformal dan mengagihkan Dasar dan Prosedur Pengurusan Risiko Usahaniaga bagi memastikan proses-proses di atas terus dipatuhi dan dijadikan sebagai satu bahagian penting dalam operasi Kumpulan.
- Penilaian berterusan terhadap kualiti pengurusan risiko dan kawalan oleh Audit Dalaman Kumpulan.

2. Persekitaran Kawalan

Lembaga komited dalam mengekalkan persekitaran kawalan yang mantap untuk operasi Kumpulan. Persekitaran kawalan Kumpulan meliputi komponen-komponen berikut:

(a) Kebebasan Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit secara majoritinya terdiri daripada pengarah bebas yang mempunyai akses tidak terhalang kepada juruaudit dalaman dan juruaudit luar. Aktiviti Jawatankuasa Audit dalam mengkaji keputusan kerja dan penemuan juruaudit dalaman dan luar, membantu mereka membuat penilaian terhadap persekitaran kawalan.

(b) Struktur organisasi dengan peranan dan tanggungjawab yang ditakrif

Lembaga telah membentuk struktur organisasi yang ditakrif dengan sewajarnya dengan aliran laporan yang jelas serta peranan dan tanggungjawab yang diformalkan. Had Kuasa Kumpulan menetapkan kuasa kepada peringkat-peringkat kakitangan yang bersesuaian untuk melaksanakan kawalan ke atas komitmen Kumpulan bagi perbelanjaan modal dan operasi. Had Kuasa tersebut diluluskan oleh Lembaga dan dikaji secara kerap serta dikemaskini apabila perlu.

(c) Dasar dan prosedur yang didokumen

Dasar dan prosedur untuk bidang operasi, kewangan dan sumber manusia yang didokumen telah tersedia dan dikemaskini secara kerap supaya bersesuaian dengan perubahan risiko dan memastikan pengenalpastian kebertanggungjawaban yang sewajarnya dan pematuhan terhadap kawalan dalaman.

(d) Pembangunan sumber manusia

Satu rancangan penggantian telah dirangka bagi memastikan kesinambungan jawatan-jawatan pengurusan penting. Program latihan dalaman dan luar yang berterusan turut dilaksanakan untuk mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan.

(e) Audit Dalaman Kumpulan

Kumpulan mempunyai fungsi audit dalaman yang menerima pakai pendekatan berasaskan risiko untuk menilai bidang kewangan, operasi dan pematuhan Kumpulan. Fokus audit ditumpukan kepada bidang-bidang risiko utama yang dikenalpasti semasa proses pengurusan risiko.

(f) Rancangan Kesyinambungan Perniagaan

Satu Rancangan Kesyinambungan Perniagaan telah dirangka bagi memastikan supaya ia menangani operasi satelit dan fungsi korporat Kumpulan secara berkesan jika berlaku kejadian gangguan perniagaan atau kegagalan sistem. Rancangan pemulihan, dokumentasi, infrastruktur tambahan, sistem pendua dan tapak alternatif telah dikenalpasti dan dirumus sebagai sebahagian daripada rancangan tersebut.

3. Prosedur Kawalan

Prosedur kawalan bagi aktiviti kewangan dan operasi harian telah disediakan. Unsur-unsur kawalan utama meliputi perkara-perkara berikut:

- Proses belanjawan telah diwujudkan di mana belanjawan terperinci disediakan pada setiap tahun dan dibincang sebelum diserahkan kepada Lembaga untuk diluluskan;
- Kajian prestasi kewangan dan operasi bulanan;
- Pembahagian tugas-tugas berkaitan proses pengesahan, pemberian kuasa dan penyesuaian;
- Kawalan ke atas aset fizikal dan sistem maklumat;
- Merangka dan mengemaskini manual operasi dan rancangan luar jangka secara kerap bagi memastikan supaya fasiliti kawalan satelit diurus dengan berkesan;
- Aktiviti-aktiviti pematuan undang-undang dan peraturan.

4. Maklumat dan Komunikasi

Sistem dan proses yang berkesan serta menyeluruh disediakan bagi mendapat dan menjana maklumat berkaitan. Struktur melapor yang jelas memastikan supaya laporan kewangan dan operasi disediakan dan dibentangkan secara berkala kepada Pengurusan dan Lembaga untuk dibincangkan dan dikaji.

5. Pemantauan dan Kajian

Proses pemantauan dan pengkajian telah disediakan dan memberi jaminan munasabah bahawa struktur kawalan dan risiko berada di tahap yang boleh diterima dan ini meliputi:

- Petunjuk prestasi utama dan perbezaan belanjawan dipantau dan dijelaskan pada setiap bulan;
- Keputusan kewangan dikaji oleh Lembaga bersama pihak Pengurusan pada setiap suku tahun bagi membolehkan ia mengukur pencapaian sasaran tahunan Kumpulan dan mengkaji sebarang isu penting berkenaan kewangan dan operasi;
- Mesyuarat berjadual dan tergepar (ad-hoc) diadakan di peringkat operasi dan pengurusan untuk membincang dan menyelesaikan isu-isu operasi dan perniagaan;
- Kajian bebas yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan disampaikan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga untuk membolehkan penilaian dilakukan terhadap kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tiada kelemahan kawalan dalaman yang ketara dikenalpasti pada tahun ini, dan kelemahan yang dilaporkan tidak menyebabkan kerugian ketara atau kejadian luar jangka yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan Kumpulan.

Maklumat Pendedahan Tambahan

menurut Lampiran 9C Keperluan Penyenggaraan Bursa Malaysia Securities Berhad

1. YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar untuk khidmat yang diberikan kepada Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya bagi tahun kewangan ini oleh juruaudit, atau firma atau syarikat yang bersekutu dengan firma juruaudit adalah seperti berikut:

PricewaterhouseCoopers Malaysia: RM95,550.00

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn. Bhd.: RM57,000.00

2. IMBUHAN PENGARAH

Butir-butir imbuhan Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:-

(a) Imbuhan agregat

Imbuhan	Pengarah Eksekutif (RM)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM)	Jumlah (RM)
Yuran Pengarah	–	275,000.00	275,000.00
Elaun Pengarah	–	127,500.00	127,500.00
Jumlah	–	402,500.00	402,500.00

(b) Bilangan Pengarah dalam setiap turutan julat RM50,000

Julat Imbuhan (RM)	Eksekutif	Bil. Pengarah	Bukan Eksekutif
50,000 dan ke bawah	–		1
50,001 hingga 100,000	–		3
100,001 hingga 150,000	–		1
Jumlah	–		5

3. KONTRAK-KONTRAK PENTING YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Tiada kontrak penting di luar urusan biasa yang telah dimeterai oleh MEASAT Global Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama, sama ada yang masih wujud pada akhir tahun kewangan ini, iaitu 31 Disember 2009 atau sejak akhir tahun kewangan lepas yang berakhir pada 31 Disember 2008.

Maklumat Pendedahan Tambahan

menurut Lampiran 9C Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Sambungan)

4. SENARAI HARTANAH PADA 31 DISEMBER 2009

Alamat Hartanah	Kegunaan semasa	Keluasan	Tempoh pegangan	Anggaran usia bangunan	Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009 RM'000	Tarikh dibeli
MEASAT Teleport and Broadcast Centre 63000 Cyberjaya Malaysia	Kawalan satelit dan pejabat korporat	Keluasan Binaan 104,629 kaki persegi Keluasan Tanah 3.546 ekar	Pegangan Bebas	5 tahun	51,642	14 April 2005
MEASAT Satellite Control Centre Gunung Raya Mukim Ulu Melaka 07000 Kuah Langkawi Kedah Malaysia	Kawalan satelit	Keluasan Binaan 47,280 kaki persegi Keluasan Tanah 4.95 ekar	Pegangan Pajakan (tamat tempoh pada 5 Februari 2068)	2 tahun	21,667	6 Februari 2008

5. DASAR PENILAIAN SEMULA KE ATAS HARTA TANAH

Syarikat tidak menerima pakai sebarang dasar penilaian semula atau menjalankan sebarang penilaian semula terhadap tanah dan bangunan di atas bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

dalam menyediakan penyata kewangan

Para Pengarah dikehendaki oleh undang-undang untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun tersebut.

Para Pengarah berpendapat bahawa, dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 seperti yang dibentangkan di muka surat 38 hingga 80 dalam Laporan Tahunan ini, Kumpulan telah menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan telah menggunakannya dengan seragam serta membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah. Para Pengarah juga berpendapat bahawa semua piawaian perakaunan yang bersesuaian dan diluluskan telah diikuti dan mengesahkan bahawa penyata kewangan tersebut disediakan atas dasar andaian usaha perniagaan berterusan.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan supaya Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketepatan yang munasabah pada bila-bila masa berhubung kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang membolehkan mereka memastikan supaya penyata kewangan tersebut mematuhi Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan yang diterimapakai di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit dinyatakan di dalam Laporan mereka kepada Ahli-ahli Syarikat.

Muka surat ini sengaja dikosongkan.

Penyata **Kewangan**

MEASAT Global Berhad
laporan tahunan 2009

38
Laporan Para Pengarah

41
Penyata Pendapatan

42
Kunci Kira-Kira

43
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

44
Penyata Aliran Tunai

46
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

81
Penyata oleh Para Pengarah

81
Akuan Berkanun

82
Laporan Juruaudit kepada Ahli Measat
Global Berhad



Laporan Para Pengarah

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka kepada para ahli bersama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Aktiviti utama Kumpulan merangkumi operasi sebuah rangkaian satelit serantau dan pemegangan pelaburan. Tiada perubahan yang ketara dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini. Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 16 kepada penyata kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun	177,554	(1,075)

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lepas. Para Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan ini telah didedahkan dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang telah memegang jawatan sepanjang tempoh sejak akhir laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Datuk Umar bin Haji Abu
Datuk Ramli bin Ibrahim
Augustus Ralph Marshall
Zam Ariffin bin Ismail
Chan Chee Beng

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tiada pengaturan telah dibuat di mana Kumpulan dan Syarikat merupakan satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan yang membolehkan para Pengarah Kumpulan dan Syarikat mendapat manfaat melalui pembelian saham dan opsyen ke atas saham atau debentur Kumpulan dan Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Laporan Para Pengarah (Sambungan)

MANFAAT PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah telah menerima pakai atau menjadi layak untuk menerima manfaat atau sebab sebuah kontrak yang dibuat oleh Kumpulan dan Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan sebuah firma di mana beliau merupakan seorang ahlinya, atau dengan sebuah syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan utama melainkan seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Menurut daftar pegangan saham dan kepentingan para Pengarah, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memegang sebarang kepentingan dalam saham, opsyen ke atas saham dan debentur Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya dalam tahun kewangan ini.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan elaun bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan bahawa elaun secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan akan direalisasikan dalam urusan biasa, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan kepada satu amaun yang dijangka dapat direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan amaun hutang lapuk yang dihapuskan atau amaun elaun bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menimbulkan kekeliruan ke atas nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada, mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau menjadi berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kecuali seperti yang didedahkan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

Laporan Para Pengarah (Sambungan)

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh Laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang akan menyebabkan amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusaniaga atau kejadian yang penting atau luar biasa; dan
- (b) tidak timbul dalam tempoh masa antara akhir tahun kewangan ini dan tarikh laporan ini sebarang perkara, urusaniaga atau kejadian penting dan luar biasa yang berkemungkinan boleh menjejaskan dengan ketara keputusan dan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan yang diliputi oleh laporan ini.

SYARIKAT INDUK MUKTAMAD

Para Pengarah menganggap MAI Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk muktamad.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka yang bertarikh 26 April 2010.

DATUK UMAR BIN HAJI ABU
PENGERUSI

DATUK RAMLI BIN IBRAHIM
PENGARAH

Kuala Lumpur

Penyata Pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil	6	241,670	195,946	0	0
Kos perkhidmatan		(101,851)	(108,618)	0	0
Keuntungan kasar		139,819	87,328	0	0
Pendapatan operasi lain	7	3,423	4,637	30	76
Perbelanjaan penjualan dan pentadbiran		(62,792)	(36,101)	(1,105)	(961)
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	8	80,450	55,864	(1,075)	(885)
Kos kewangan	10	(27,288)	(93,309)	0	0
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai		53,162	(37,445)	(1,075)	(885)
Cukai	11	124,392	(693)	0	0
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun		177,554	(38,138)	(1,075)	(885)
Pendapatan sesaham					
- Asas dan dicairkan (sen)	12	45.53	(9.78)		

Nota-nota di muka surat 46 hingga 80 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Kunci Kira-kira

pada 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	13	1,351,997	1,315,484	0	0
Pajakan dibayar terdahulu	14	1,490	765	0	0
Muhibah	15	1,186,589	1,186,589	0	0
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	16	0	0	1,463,395	1,463,395
Aset cukai tertunda	22	315,540	191,141	0	0
		2,855,616	2,693,979	1,463,395	1,463,395
ASET SEMASA					
Penerimaan perdagangan dan penerimaan lain	17	21,182	28,082	58	74
Amaun dihutang kepada syarikat subsidiari	18	0	0	10,376	11,157
Deposit dengan bank-bank berlesen	26	37,847	7,567	794	2,023
Tunai dan baki bank	26	101,226	121,853	380	54
		160,255	157,502	11,608	13,308
LIABILITI SEMASA					
Pembayaran lain	19	133,483	116,384	165	244
Amaun dihutang kepada syarikat berkaitan	20	419	446	0	546
Pinjaman (bercagar dan dikenakan faedah)	21	160,598	803,136	0	0
Cukai		621	621	621	621
		295,121	920,587	786	1,411
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH		(134,866)	(763,085)	10,822	11,897
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman (bercagar dan dikenakan faedah)	21	635,279	0	0	0
Pembayaran lain	19	155,594	178,571	0	0
		790,873	178,571	0	0
		1,929,877	1,752,323	1,474,217	1,475,292
MODAL DAN RIZAB					
Modal saham		304,148	304,148	304,148	304,148
Rizab pergabungan	24	554,802	554,802	554,802	554,802
Rizab am		15,899	15,899	15,899	15,899
Pendapatan tersimpan	25	1,055,028	877,474	599,368	600,443
		1,929,877	1,752,323	1,474,217	1,475,292

Nota-nota di muka surat 46 hingga 80 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Saham biasa diterbitkan dan dibayar penuh berharga RM0.78 sesaham		Tidak boleh diagih	Boleh diagih		Jumlah RM'000
	Bilangan saham RM'000	Nilai nominal RM'000	Rizab pergabungan RM'000	Rizab am RM'000	Pendapatan tersimpan RM'000	
Kumpulan						
Pada 1 Januari 2008	389,933	304,148	554,802	15,899	915,612	1,790,461
Kerugian bersih bagi tahun	0	0	0	0	(38,138)	(38,138)
Pada 31 Disember 2008	389,933	304,148	554,802	15,899	877,474	1,752,323
Pada 1 Januari 2009	389,933	304,148	554,802	15,899	877,474	1,752,323
Keuntungan bersih bagi tahun	0	0	0	0	177,554	177,554
Pada 31 Disember 2009	389,933	304,148	554,802	15,899	1,055,028	1,929,877
Syarikat						
Pada 1 Januari 2008	389,933	304,148	554,802	15,899	601,328	1,476,177
Kerugian bersih bagi tahun	0	0	0	0	(885)	(885)
Pada 31 Disember 2008	389,933	304,148	554,802	15,899	600,443	1,475,292
Pada 1 Januari 2009	389,933	304,148	554,802	15,899	600,443	1,475,292
Kerugian bersih bagi tahun	0	0	0	0	(1,075)	(1,075)
Pada 31 Disember 2009	389,933	304,148	554,802	15,899	599,368	1,474,217

Nota-nota di muka surat 46 hingga 80 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun	177,554	(38,138)	(1,075)	(885)
Pelarasan bagi:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	81,566	88,540	0	0
Kos kewangan	36,932	42,012	0	0
(Keuntungan)/kerugian tukaran matawang asing tidak direalisasikan	(10,786)	37,006	0	0
Pendapatan faedah	(935)	(2,034)	(30)	(76)
Cukai	(124,392)	693	0	0
Elaun hutang ragu	4,238	0	0	0
Aset dihapuskira	3	0	0	0
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	72	0	0	0
Pelunasan pajakan dibayar terdahulu	25	24	0	0
	164,277	128,103	(1,105)	(961)
Perubahan dalam modal kerja:				
Kurangan/(tambahan) dalam terimaan perdagangan dan terimaan lain	2,682	(6,755)	16	24
Tambahan/(kurangan) pembayaran lain	24,789	51,539	(79)	70
(Kurangan)/tambahan dalam amaun dihutang kepada syarikat berkaitan	(27)	24	0	0
Kurangan dalam amaun dihutang oleh syarikat subsidiari	0	0	235	0
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) operasi	191,721	172,911	(933)	(867)
Pendapatan faedah diterima	966	1,980	30	76
Cukai (dibayar)/dikembalikan	(7)	789	0	50
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi	192,680	175,680	(903)	(741)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Kutipan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	0	12	0	0
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(113,522)	(73,664)	0	0
Pajakan dibayar terdahulu	(750)	0	0	0
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(114,272)	(73,652)	0	0

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 (Sambungan)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Kurangan/(tambahan) dalam akaun rizab servis hutang	34,438	(35,536)	0	0
Kutipan daripada pengeluaran pinjaman, selepas ditolak kos terbitan	121,361	103,757	0	0
Pembayaran semula bukan perdagangan perlu dibayar	(26,974)	(19,936)	0	0
Pembayaran semula pinjaman	(126,539)	(104,733)	0	0
Faedah dibayar	(34,985)	(48,252)	0	0
Komitmen dan yuran lain dibayar atas pinjaman	(622)	(755)	0	0
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(33,321)	(105,455)	0	0
PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	45,087	(3,427)	(903)	(741)
PERBEZAAN PERTUKARAN MATAWANG	(996)	8,627	0	0
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	30,266	25,066	2,077	2,818
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	26 74,357	30,266	1,174	2,077

Nota-nota di muka surat 46 hingga 80 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

- 31 Disember 2009

1 MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Aktiviti utama Kumpulan merangkumi operasi sebuah rangkaian satelit serantau dan pemegangan pelaburan.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Nota 16 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan yang ketara dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini.

Syarikat induk terdekat adalah MEASAT Global Network Systems Sdn. Bhd., dan syarikat induk muktamad adalah MAI Holdings Sdn. Bhd. Kedua-duanya diperbadankan di Malaysia.

Syarikat merupakan sebuah syarikat tanggungan terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar Syarikat di:
Aras 39, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

Tempat utama perniagaan Syarikat di:

MEASAT Teleport and Broadcast Centre
63000 Cyberjaya
Malaysia

2 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan berusaha untuk memastikan supaya Kumpulan menguruskan dan meminimumkan dengan berkesan risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti perniagaan, iaitu risiko matawang, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan.

(a) Risiko Matawang

Pendedahan risiko pertukaran asing Kumpulan timbul terutamanya daripada urusan pertukaran matawang asing yang dijalankan dalam Dollar AS. Kumpulan menguruskan pendedahannya terhadap turun naik kadar pertukaran matawang asing melalui kontrak pertukaran asing dan perjanjian swap matawang bersilang.

(b) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan terdedah kepada risiko kadar faedah yang timbul daripada aset dan liabiliti yang dikenakan faedah berbeza-beza. Untuk mengawal turun naik kadar faedah, Kumpulan memantau secara aktif pasaran dan berusaha untuk mengurus pendedahan kadar faedahnya melalui penggunaan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah.

2 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko Kredit

Kumpulan terdedah kepada kerugian berkaitan risiko kredit jika para pelanggannya mengingkari pembayaran. Kumpulan mengawal risiko kreditnya melalui penggunaan kelulusan kredit dan memerlukan para pelanggannya meletakkan deposit cagaran bagi menjamin pelanggan memenuhi obligasi mereka. Penerimaan perdagangan dipantau secara berterusan.

Kumpulan berusaha untuk melaburkan aset tunai dengan selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai risiko kredit yang tertumpu dengan ketara melainkan sebahagian besar depositnya yang ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan utama di Malaysia.

(d) Risiko Kecairan

Kumpulan mempunyai baki tunai dan baki bank dan deposit yang ditempatkan dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kedudukan kredit yang teguh. Kumpulan menguruskan risiko kecairannya dengan menempatkan baki tersebut pada tempoh matang yang berbeza-beza untuk memenuhi keperluan modal.

3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kecuali dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam mengendalikan perkara yang dianggap penting berkaitan penyata kewangan. Dasar-dasar ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dinyatakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), Piawaian Perakaunan Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan dasar perakaunan penting ini.

Penyediaan penyata kewangan bagi mematuhi piawaian perakaunan di atas yang telah diluluskan memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan yang dilaporkan. Walaupun semua anggaran dan pertimbangan ini dibuat berasaskan kepada pengetahuan terbaik para Pengarah tentang kejadian dan tindakan semasa, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap pertimbangan lebih tinggi atau kompleks atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 4.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran Jawatankuasa Tafsiran (“IC”) yang berkaitan dan berkuatkuasa

Tidak ada sebarang piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkaitan dan berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

(c) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran IC yang diterima pakai lebih awal

Tidak ada sebarang piawaian perakaunan baru, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang diterima pakai lebih awal bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

(d) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran IC yang berkaitan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa

FRS 7

“Instrumen Kewangan: Pendedahan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010) menyediakan maklumat kepada pengguna penyata kewangan mengenai pendedahan sesebuah entiti kepada pelbagai risiko dan bagaimana entiti tersebut menguruskan risiko tersebut. Penambahbaikan kepada FRS 7 menjelaskan bahawa entiti tidak perlu membentangkan amaun pendapatan dan perbelanjaan faedah sebagai jumlah bersih dalam kos kewangan dalam penyata pendapatan. Kumpulan dan Syarikat menggunakan peruntukan peralihan dalam FRS 7 yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan kemungkinan yang timbul daripada penggunaan permulaan piawaian ini ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

FRS 101

“Pembentangan Penyata Kewangan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010) yang menggantikan FRS 101₂₀₀₅ yang menggariskan keperluan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi struktur mereka dan keperluan minimum bagi kandungannya. Ia melarang pembentangan perkara-perkara pendapatan dan perbelanjaan (iaitu perubahan dalam ekuiti bukan pemilik) dalam penyata perubahan ekuiti. Perubahan dalam ekuiti bukan pemilik perlu dibentangkan secara berasingan daripada perubahan dalam ekuiti pemilik. Semua perubahan dalam ekuiti bukan pemilik dikehendaki dibentangkan dalam penyata prestasi, tetapi entiti boleh memilih sama ada ingin membentangkan dalam penyata prestasi (penyata pendapatan lengkap) atau dua penyata (penyata pendapatan dan penyata pendapatan lengkap).

Jika entiti menyatakan semula atau mengkelaskan semula maklumat perbandingannya, mereka akan dikehendaki membentangkan kunci kira-kira yang dinyatakan semula pada awal tempoh perbandingan di samping keperluan semasa untuk membentangkan kunci kira-kira pada akhir tempoh semasa dan tempoh perbandingan.

Penyata pendapatan dan penyata pendapatan lengkap mungkin akan dibentangkan sebagai penyata prestasi.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran IC yang berkaitan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa (sambungan)

FRS 123	“Kos Pinjaman” (berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan dari 1 Januari 2010) yang menggantikan FRS 123 ₂₀₀₄ memerlukan sesebuah entiti mempermodalkan kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak (iaitu memerlukan masa yang panjang untuk sedia atau boleh digunakan) sebagai sebahagian daripada kos aset. Pilihan untuk membelanjakan dengan serta merta pinjaman tersebut dibatalkan. Penambahbaikan kepada FRS 123 menjelaskan bahawa definisi kos pinjaman meliputi perbelanjaan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan dalam FRS 139. Pada peringkat permulaan penggunaan pindaan ini, ia tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
FRS 134	“Laporan Kewangan Interim” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010) menjelaskan bahawa pendapatan sesaham asas dan dicairkan (“EPS”) perlu dibentangkan dalam satu laporan interim hanya jika entiti berkenaan dikehendaki mendedahkan EPS dalam laporan tahunannya. Pada peringkat permulaan penggunaan pindaan ini, ia tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
FRS 136	“Kemosrotan Nilai Aset” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010) menjelaskan bahawa unit penjana tunai (atau kumpulan unit) yang mana muhibah sepatutnya diperuntukkan bagi tujuan pengujian kemosrotan nilai adalah segmen operasi sebelum pengumpulan segmen dengan ciri-ciri ekonomi yang sama. Penambahbaikan ini juga menjelaskan bahawa jika nilai saksama tolak kos untuk menjual dikira mengikut asas aliran tunai yang didiskaun, pendedahan bersamaan dengan nilai tersebut perlu dibuat. Pada peringkat permulaan penggunaan pindaan ini, ia tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
FRS 139	“Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010). Piawaian yang disemak semula ini menetapkan prinsip bagi pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli dan menjual perkara bukan kewangan. Perakaunan lindung nilai dibenarkan hanya di bawah keadaan yang sangat ketat. Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan peruntukan peralihan FRS 139 yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan kemungkinan yang timbul daripada penggunaan permulaan piawaian ini ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.
Interpretasi IC 17	“Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2010). Interpretasi ini menyediakan garis panduan tentang cara sesebuah entiti sepatutnya mengambilkira pengagihan aset bukan tunai. Penggunaan permulaan pindaan ini tidak dijangka akan menimbulkan kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi IC yang tidak berkaitan atau penting bagi operasi Kumpulan dan Syarikat yang masih belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

FRS 1	"Penggunaan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan"
FRS 2	"Bayaran Berasaskan Saham"
FRS 3	"Gabungan Perniagaan"
FRS 4	"Kontrak Insurans"
FRS 5	"Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Diberhentikan"
FRS 8	"Segmen Operasi"
FRS 107	"Penyata Aliran Tunai"
FRS 108	"Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan"
FRS 110	"Peristiwa selepas Tarikh Kunci Kira-Kira"
FRS 116	"Hartanah, Loji dan Peralatan"
FRS 117	"Pajakan"
FRS 118	"Hasil"
FRS 119	"Manfaat Kakitangan"
FRS 120	"Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan"
FRS 127	"Penyata Kewangan Disatukan dan Diasing: Kos Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu"
FRS 128	"Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu"
FRS 129	"Laporan Kewangan dalam Ekonomi Inflasi Keterlaluan"
FRS 131	"Kepentingan dalam Usahasama"
FRS 132	"Instrumen Kewangan: Pembentangan"
FRS 138	"Aset Tidak Ketara"
FRS 139	"Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran"
FRS 140	"Hartanah Pelaburan"
Interpretasi IC 9	"Penilaian Semula Derivatif Semulajadi"
Interpretasi IC 10	"Laporan Kewangan Interim dan Kemosotan"
Interpretasi IC 11	"FRS 2 – Urusniaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan"
Interpretasi IC 12	"Pengaturan Konsesi Perkhidmatan"
Interpretasi IC 13	"Program Kesetiaan Pelanggan"
Interpretasi IC 14	"FRS 119 – Had bagi Aset Manfaat Bertakrif, keperluan Pembiayaan Minimum dan Hubungannya"
Interpretasi IC 15	"Perjanjian bagi Pembinaan Hartanah"
Interpretasi IC 16	"Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam sebuah Operasi Asing"

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(f) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari ialah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya, secara umumnya meliputi pegangan saham melebihi setengah hak mengundi. Kewujudan dan kesan hak mengundi potensi yang pada masa ini boleh dilaksanakan atau ditukar, dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti yang lain.

Syarikat subsidiari disatukan mengikut kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan daripada penyatuan dari tarikh kawalan tersebut tamat. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diambilalih pada tarikh pertukaran tersebut, termasuk kos yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pengambilalihan.

Aset yang diambilalih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti serta liabiliti luar jangka yang diambilalih dalam satu penggabungan perniagaan diukur awalnya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap sebarang kepentingan minoriti.

Lebih kos pengambilalihan berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih yang boleh dikenalpasti yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambilalih, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan disatukan. Rujuk dasar perakaunan Nota (r) berhubung muhibah.

Semua urusan antara kumpulan, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urusan antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan. Kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali ia berkaitan kemerosotan nilai aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan syarikat subsidiari telah diubah menurut keperluan bagi memastikan keselarasan dengan dasar perakaunan yang diterimapakai oleh Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sesebuah syarikat subsidiari adalah perbezaan antara kutipan penjualan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk amaun kumulatif bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan syarikat subsidiari diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(g) Hartanah, loji dan peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai kerana ia mempunyai hayat yang tidak terhad. Hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset sehingga ke nilai sisanya sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya. Satelit, fasiliti mengesan dan peralatan bumi lain disertakan sebagai sebahagian peralatan telekomunikasi.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai ke atas jangka hayat seperti berikut:

	Tahun
Bangunan	50
Peralatan telekomunikasi	10 - 15
Peralatan pejabat	6.67
Perabot, kelengkapan dan pengubahsuaian	6.67
Komputer	3 - 5
Kenderaan bermotor	5

Susutnilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

Nilai sisa dan jangka hayat aset dikaji, dan diselaras jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Jika nilai sisa sesuatu aset meningkat ke nilai yang sama atau melebihi nilai bawa aset, caj susutnilai aset tersebut adalah tiada melainkan dan sehingga nilai sisanya berkurangan ke satu amaun lebih rendah daripada nilai bawa aset tersebut.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, satu analisis dijalankan untuk menaksir sama ada amaun bawa aset tersebut boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawa aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan Nota (s) mengenai kemerosotan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan amaun bawa dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(h) Cukai

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai di setiap negara di mana Kumpulan beroperasi dan meliputi semua cukai berdasarkan keuntungan yang boleh dicukai termasuk cukai pegangan perlu dibayar.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah tanggungan, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dengan amaun bawanya dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa urusanniaga tersebut tidak menjejaskan untung rugi perakaunan, atau untung rugi boleh dicukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan pada masa hadapan wujudnya keuntungan boleh dicukai ditolak daripada perbezaan sementara atau kerugian cukai tidak digunakan yang boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau telah digubal dengan ketara pada tarikh kunci kira-kira dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda dilunaskan.

(i) Matawang Asing

(i) Matawang fungsi dan pembentangan

Perkara yang disertakan di dalam penyata kewangan bagi setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsi dan pembentangan Kumpulan.

(ii) Urusniaga dan baki

Urusniaga matawang asing ditukar kepada matawang fungsi pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusanniaga. Keuntungan dan kerugian dalam matawang asing daripada penukaran pada kadar tukaran akhir tahun bagi aset kewangan dan liabiliti yang didenominasi dalam matawang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Entiti Asing

Aset dan liabiliti syarikat subsidiari asing ditukarkan pada kadar penutupan untuk tujuan penyatuan. Perkara-perkara penyata pendapatan ditukarkan pada kadar purata sepanjang tahun kewangan dan perbezaan pertukaran yang terhasil ditangani dalam ekuiti bagi tahun kewangan.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(j) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Pelaburan dalam syarikat subsidiari ditunjukkan pada kos. Jika petunjuk kemerosotan nilai wujud, amaun bawa pelaburan tersebut ditaksir dan diturunkan dengan segera kepada amaun yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan Nota (s) mengenai kemerosotan nilai aset.

Kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan syarikat subsidiari, selain daripada kos penerbitan saham dan instrumen modal lain, dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan.

Semasa pelupusan sesuatu pelaburan, perbezaan antara kutipan jualan bersih dengan nilai bawanya dicaj/dikredit kepada penyata pendapatan.

(k) Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan dan di bank, deposit panggilan dengan bank berlesen yang sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak begitu ketara.

(l) Pengiktirafan hasil

Hasil meliputi nilai saksama pembayaran yang diterima atau akan diterima bagi pelaksanaan perkhidmatan dalam perjalanan biasa aktiviti Kumpulan. Hasil tertunda termasuk invois yang dibil terlebih dahulu daripada tempoh pelaksanaan yang direkod sebagai pengedaran terdahulu dalam kunci kira-kira.

Pendapatan operasi lain yang diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat diiktiraf berasaskan berikut:

- (i) Pendapatan faedah diiktiraf pada asas kadar masa, dengan merujuk kepada amaun pokok tertunggak; dan
- (ii) Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan akuan menurut asas perjanjian berkaitan.

(m) Penerimaan

Penerimaan dagangan dan penerimaan lain dibawa pada amaun yang diinvois tolak anggaran yang dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Elaun diwujudkan apabila terdapat bukti ketara bahawa Kumpulan dan Syarikat tidak akan mampu mengutip semua amaun yang sepatutnya terima menurut syarat penerimaan asal. Hutang lapuk dihapuskan apabila ia dikenalpasti.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen kewangan

(i) Instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira

Instrumen kewangan yang dibawa dalam kunci kira-kira meliputi wang tunai dan baki bank, penerimaan, pembayaran dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan tertentu yang diterimapakai bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam penyata dasar berasingan yang berkaitan dengan setiap perkara.

(ii) Instrumen kewangan tidak diiktiraf dalam kunci kira-kira

Kumpulan adalah satu pihak kepada instrumen kewangan yang merangkumi kadar faedah dan kontrak swap kadar faedah matawang bersilang. Instrumen kewangan ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaannya.

Kontrak swap kadar faedah dan kadar faedah matawang bersilang

Kontrak swap kadar faedah dan kadar faedah matawang bersilang dicipta untuk menguruskan pendedahan Kumpulan bagi melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar faedah dan kadar pertukaran matawang. Prinsipal nosional kontrak ini adalah di luar kunci kira-kira. Sebarang perbezaan yang akan dibayar atau diterima daripada kontrak-kontrak ini berhubung pinjaman untuk membiayai pembinaan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos hartanah, loji dan peralatan. Semua keuntungan atau kerugian lain diiktiraf sebagai komponen pendapatan atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh kontrak. Keuntungan dan kerugian daripada penamatan awal kontrak ini atau daripada pembayaran balik pinjaman dibawa kepada penyata pendapatan.

Anggaran nilai saksama bagi tujuan pendedahan

Untuk menaksir nilai saksama instrumen kewangan, Kumpulan membuat andaian tertentu dan menggunakan kaedah aliran tunai yang didiskaun untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan bagi menentukan nilai saksama instrumen kewangan. Nilai saksama tanggungan kewangan dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan berkontrak pada kadar faedah pasaran semasa yang tersedia kepada Kumpulan untuk instrumen kewangan yang serupa.

Nilai muka aset dan tanggungan kewangan dengan tempoh matang kurang dari satu tahun dianggap sebagai hampir dengan nilai saksamanya.

(o) Pembayaran

Pembayaran perdagangan dan pembayaran lain, termasuk akruan merupakan tanggungan bagi barangan dan perkhidmatan yang disediakan kepada Kumpulan dan Syarikat sebelum akhir tahun kewangan dan masih belum dibayar.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(p) Pinjaman

(i) Klasifikasi

Pada peringkat permulaan, pinjaman diiktiraf berasaskan kutipan yang diterima, selepas ditolak kos terbitan tertunda yang ditanggung. Pinjaman dinyatakan pada kos selepas pelunasan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan.

Kos terbitan tertunda mewakili kos penyediaan hutang yang ditanggung untuk mendapatkan kemudahan pinjaman Kumpulan. Ia dinyatakan pada kos tolak amaun yang diperuntukkan kepada pinjaman apabila dikeluarkan, yang mana manfaatnya berlanjutan sehingga selepas tempoh perakaunan di mana ia ditanggung. Amaun yang diperuntukkan kepada pinjaman kemudiannya dilunaskan kepada penyata pendapatan.

Faedah adalah diakru sepanjang tempoh ia ditanggung dan dicatat sebagai sebahagian daripada akruan lain.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tanpa syarat untuk menunda pembayaran penuh liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

(ii) Permodalan kos pinjaman

Kos pinjaman yang ditanggung untuk membiayai pembinaan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos hartanah, loji dan peralatan sepanjang tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan hartanah, loji dan peralatan tersebut untuk digunakan. Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

(q) Modal saham

(i) Klasifikasi

Saham biasa dengan dividen budi bicara dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Dividen kepada pemegang saham Syarikat

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ia diisytiharkan.

(r) Muhibah

Muhibah mewakili lebih daripada kos pengambilalihan syarikat subsidiari berbanding nilai saksama aset bersih bahagian Kumpulan yang boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah diuji setiap tahun sama ada terdapat kemerosotan nilai dan dinyatakan sebagai kos tolak kerugian kemerosotan nilai terkumpul, jika ada. Kerugian kemerosotan nilai daripada muhibah tidak boleh dibalikkan semula. Keuntungan dan kerugian daripada penjualan sesebuah entiti termasuk jumlah bawa muhibah berkaitan entiti yang dijual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit-unit yang menjana wang tunai untuk tujuan ujian kemerosotan nilai. Peruntukan dibuat kepada unit-unit yang menjana wang tunai atau sekumpulan unit menjana wang tunai yang dijangka memperoleh manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan di mana muhibah akan meningkat. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada operasi satelitnya. Rujuk Nota dasar perakaunan (s) berhubung kemerosotan nilai aset.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(s) **Kemerosotan nilai aset**

Aset yang mempunyai tempoh hayat berguna yang berterusan tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji pada setiap tahun untuk mengesan kemerosotan nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan dikaji untuk mengesan kemerosotan nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang menandakan bahawa amaun bawa mungkin tidak dapat diperolehi semula. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi amaun yang mana amaun bawa aset tersebut melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun yang boleh diperolehi semula adalah yang mana lebih tinggi antara harga jualan bersih dengan nilai kegunaan aset berkenaan. Bagi tujuan penilaian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana aliran tunai yang terhasil boleh dikenalpasti secara berasingan (unit menjana wang tunai).

Kerugian kemerosotan nilai dicaj kepada penyata pendapatan kecuali jika ia membalikkan penilaian terdahulu yang mana dalam keadaan tersebut ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian kemerosotan nilai muhibah tidak dikembalikan. Berhubung aset lain, sebarang kenaikan berikutnya dalam amaun boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia membalikkan kerugian kemerosotan nilai ke atas aset yang telah dinilai semula yang mana dalam keadaan tersebut dimasukkan ke dalam lebihan penilaian semula.

(t) **Manfaat kakitangan**

(i) **Manfaat kakitangan jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus dan manfaat bukan kewangan diakru sepanjang tempoh perkhidmatan kakitangan Kumpulan.

(ii) **Manfaat selepas perkhidmatan**

Pelan caruman bertakrif

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman bertakrif dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh yang berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi selanjutnya. Prabayaran caruman diiktiraf sebagai aset ke tahap supaya bayaran balik tunai atau pengurangan pembayaran masa depan tersedia.

(u) **Laporan segmen**

Laporan segmen dibentangkan untuk mempertingkatkan penilaian risiko dan pulangan Kumpulan. Segmen perniagaan adalah sekumpulan aset dan operasi yang dilaksanakan untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada risiko dan pulangan segmen perniagaan lain. Segmen geografi menyediakan perkhidmatan di dalam persekitaran ekonomi tertentu yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada komponen yang beroperasi di dalam persekitaran ekonomi lain.

Hasil, perbelanjaan, aset dan tanggungan mengikut segmen adalah amaun yang terhasil daripada aktiviti operasi sesebuah segmen yang berkaitan secara langsung dengan segmen tersebut dan bahagian yang berkenaan yang boleh diperuntukkan secara munasabah mengikut segmen. Hasil, perbelanjaan, aset dan tanggungan segmen ditentukan sebelum baki dan urusan dalam Kumpulan dihapuskan sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali setakat mana baki dan urusan dalam Kumpulan adalah antara perniagaan Kumpulan dalam segmen yang sama.

3 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(v) Pajak operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran daripada pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajak operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajak operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajakan) dicaj kepada penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila sesuatu pajak operasi ditamatkan sebelum tempoh pajak tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemberi pajakan disebabkan penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh penamatan tersebut berlaku.

(w) Liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf tanggungan luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Tanggungan luar jangka adalah kemungkinan obligasi yang timbul daripada peristiwa masa dahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan luar jangkaan yang tidak dapat dikawal oleh Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana pengaliran keluar sumber tidak mungkin diperlukan untuk membayar penuh obligasi.

Liabiliti luar jangka turut timbul dalam kes yang amat jarang berlaku di mana terdapat tanggungan yang tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak dapat diukur dengan tepat.

4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan sentiasa dinilai dan berasaskan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai berkemungkinan besar akan berlaku.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian berkaitan masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, menerusi takrifan, jarang sekali bersamaan dengan keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan besar terhadap nilai bawa aset dan tanggungan pada tahun kewangan yang berikutnya dibincangkan di bawah:

(a) Anggaran kemerosotan nilai muhibah

Kumpulan menguji pada setiap tahun sama ada muhibah mengalami sebarang kemerosotan nilai, selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3(s). Amaun yang boleh diperolehi semula bagi unit menjana wang tunai ditentukan berdasarkan pengiraan nilai kegunaan. Pengiraan tersebut memerlukan penggunaan anggaran seperti yang dibentangkan dalam Nota 15.

Andaian tertentu berkaitan had-had pertimbangan seperti pertumbuhan ekonomi masa depan, pertumbuhan masa depan dalam perkhidmatan penyediaan satelit, kadar inflasi masa depan, kadar diskaun wajar diperlukan untuk mengunjur aliran tunai masa depan bagi operasi perniagaan. Pertimbangan ini dipercayai berdasarkan rekod pencapaian sejarah dan jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai wajar dalam keadaan masa kini.

4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Cukai

Syarikat tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 (“Akta”) serta undang-undang cukai di bawah kuasa negara-negara asing di mana syarikat-syarikat subsidiari tertentu beroperasi. Untuk memperolehi peruntukan Kumpulan untuk cukai pendapatan, pertimbangan diperlukan dalam menentukan pengiraan, antaranya, dalam menaksir perbelanjaan boleh ditolak yang dibenarkan di bawah Akta iaitu elaun modal dan hasil yang tidak dapat dikutip semula atau hutang lapuk. Penentuan cukai muktamad adalah tertakluk kepada penilaian akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kumpulan mengiktiraf tanggungan bagi isu-isu cukai yang dijangka berhubung anggaran dan pertimbangan sama ada cukai tambahan akan perlu dibayar. Jika hasil akhir perkara-perkara ini adalah berlainan berbanding jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunggak pada tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

Cukai tertunda diiktiraf sehingga berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa depan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa depan entiti tertentu di mana aset cukai tertunda telah diiktiraf. Di samping itu, pengiktirafan cukai tertunda yang timbul daripada Elaun Modal, Elaun Pelaburan dan Elaun Cukai Pelaburan tertakluk kepada pertimbangan keupayaan satelit-satelit tersebut kekal beroperasi berasaskan hayat kegunaannya yang sangat bergantung kepada kapasiti bahanapinya.

(c) Anggaran jangka hayat kegunaan dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan mengkaji secara kerap anggaran jangka hayat berguna hartanah, loji dan peralatan berdasarkan faktor-faktor seperti rancangan dan strategi perniagaan, tahap penggunaan dan pembangunan teknologi masa depan yang dijangka. Keputusan masa depan operasi boleh dijejaskan dengan ketara oleh perubahan dalam anggaran yang dibawa oleh perubahan dalam faktor yang dinyatakan itu. Pengurangan dalam anggaran jangka hayat berguna hartanah, loji dan peralatan akan menaikkan susutnilai yang direkod dan mengurangkan baki jumlah hartanah, loji dan peralatan.

Nilai sisa hartanah, loji dan peralatan dikaji dan dilaraskan menurut kesesuaian pada setiap tarikh kunci kira-kira berdasarkan kepada faktor-faktor seperti maklumat pasaran yang telah tersedia. Satu pengurangan dalam anggaran nilai sisa hartanah, loji dan peralatan akan meninggikan susutnilai yang direkod dan merendahkan baki jumlah hartanah, loji dan peralatan.

(d) Liabiliti luar jangka

Penentuan pengendalian liabiliti luar jangka adalah berdasarkan pendapat pengurusan berhubung keputusan jangkaan terhadap luar jangka selepas berbincang dengan penasihat undang-undang untuk kes-kes litigasi dan pakar luar dan dalaman Kumpulan bagi perkara-perkara dalam urusan biasa perniagaan. Ini didedahkan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

5. LAPORAN SEGMENT

(a) Format laporan utama – segmen perniagaan

Segmen perniagaan Kumpulan merangkumi penyediaan operasi rangkaian satelit. Oleh sebab itu, laporan segmen bagi segmen perniagaan adalah sama dengan laporan penyata kewangan bagi Kumpulan.

(b) Format laporan sekunder – segmen geografi

Segmen perniagaan Kumpulan beroperasi di 2 kawasan geografi utama seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kumpulan	Hasil	Jumlah Perbelanjaan	
	aset	modal	
Tahun berakhir 31.12.2009	RM'000	RM'000	RM'000
Malaysia	148,957	227,362	1,316
Negara-negara lain	92,713	10,006	0
Aset tidak diperuntukkan*	0	2,778,503	117,800
	241,670	3,015,871	119,116
Tahun berakhir 31.12.2008			
Malaysia	144,140	228,108	1,642
Negara-negara lain	51,806	7,925	0
Aset tidak diperuntukkan*	0	2,615,448	85,916
	195,946	2,851,481	87,558

* Termasuk dalam aset tidak diperuntukkan adalah nilai buku bersih satelit (termasuk kerja dalam pelaksanaan) bernilai RM1,276,374,000 (2008: RM1,237,718,000), aset cukai tertunda RM315,540,000 (2008: RM191,141,000) dan muhibah sebanyak RM1,186,589,000 (2008: RM1,186,589,000). Semua satelit ini telah digunakan, atau bertujuan untuk digunakan bagi transmisi ke pelbagai kawasan geografi dan dengan demikian tidak boleh diperuntukkan antara segmen geografi.

Bagi menentukan segmen geografi Kumpulan, hasil dikira berasaskan kepada negara di mana pelanggan berada. Tiada hasil dikira antara segmen. Jumlah aset dan perbelanjaan modal dibuat berasaskan kepada di mana aset tersebut berada.

6 HASIL

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Yuran pajakan transponder dan yuran berkaitan	241,670	195,946

Nota-Nota kepada **Penyata Kewangan**
- 31 Disember 2009 (Sambungan)

7 PENDAPATAN OPERASI LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendapatan sewa – syarikat-syarikat berkaitan	2,488	2,487	0	0
Pendapatan faedah	935	2,034	30	76
Lain-lain	0	116	0	0
	3,423	4,637	30	76

8 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARIPADA OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi dinyatakan selepas mengenakan/(mengkredit):				
Imbuan juruaudit				
- audit berkanun	115	96	38	23
- lain-lain	96	45	92	41
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	81,566	88,540	0	0
Kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	72	0	0	0
Imbuan Pengarah				
- yuran	395	335	275	245
- emolumen lain	162	110	127	80
Sewa bangunan	278	92	0	0
Elaun bagi hutang ragu	4,238	0	0	0
Kerugian/(keuntungan) pertukaran matawang asing				
- direalisasi	1,917	577	0	0
- tidak direalisasi	596	(8,361)	0	0
Kos kakitangan (Nota 9)	20,875	18,223	0	0
Pelunasan pajakan dibayar terdahulu	25	24	0	0
Aset dihapusira	3	0	0	0

9 KOS KAKITANGAN

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Gaji, upah dan bonus	12,559	11,219
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,667	1,320
Manfaat kakitangan yang lain	6,649	5,684
	20,875	18,223

Kos kakitangan tidak termasuk imbuan pengarah yang didedahkan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

10 KOS KEWANGAN

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Pelunasan kos terbitan tertunda	(6,267)	(6,287)
Yuran komitmen dan yuran lain	(618)	(672)
Perbelanjaan faedah yang dikenakan oleh bank-bank berlesen (Kerugian)/keuntungan pertukaran matawang asing	(30,047)	(35,053)
- direalisasi	(1,738)	(5,930)
- tidak direalisasi	11,382	(45,367)
	<u>(27,288)</u>	<u>(93,309)</u>

11 CUKAI

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Berhubung tahun semasa:		
Cukai pendapatan Malaysia		
- Semasa	(7)	(7)
Cukai tertunda (Nota 22)		
- Asal dan pembalikan perbezaan sementara	124,399	(686)
	<u>124,392</u>	<u>(693)</u>

Cukai semasa Kumpulan adalah bagi caj cukai ke atas pendapatan sewa. Tidak ada caj cukai berhubung pendapatan perniagaan disebabkan oleh penggunaan elaun modal tidak diserap dan elaun pelaburan syarikat subsidiari.

Syarikat tidak mempunyai cukai kerana tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Penjimatan cukai yang timbul daripada penggunaan elaun modal dan elaun pelaburan dibawa ke hadapan bagi Kumpulan masing-masing adalah sebanyak RM34,215,000 (2008: RM24,222,000) dan RM3,580,000 (2008: RM4,148,000).

11 CUKAI (SAMBUNGAN)

Penjelasan tentang hubungan antara perbelanjaan cukai dan keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 %	2008 %	2009 %	2008 %
Penyesuaian angka antara purata kadar cukai berkesan dan kadar cukai Malaysia:				
Kadar cukai Malaysia	25	(26)	(25)	(26)
Kesan cukai:				
- kerugian cukai tahun semasa tidak diiktiraf	0	0	25	26
- perbelanjaan tidak ditolak untuk tujuan cukai	8	51	0	0
- pengiktirafan aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf sebelumnya timbul daripada elaun pelaburan	(19)	(10)	0	0
- pengiktirafan elaun cukai pelaburan tahun semasa	(249)	0	0	0
- pengiktirafan aset cukai tertunda yang timbul daripada elaun modal tidak digunakan	0	(14)	0	0
- kesan daripada perubahan kadar cukai	0	(1)	0	0
- lain-lain	1	2	0	0
Kadar cukai berkesan purata	(234)	2	0	0

12 PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham asas dan dicairkan Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih bagi tahun ini dengan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan sepanjang tahun ini.

	Kumpulan	
	2009	2008
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun (RM'000)	177,554	(38,138)
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan ('000)	389,933	389,933
Pendapatan sesaham asas dan dicairkan (sen)	45.53	(9.78)

13 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1.1.2009 RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Hapuskira RM'000	Pengkelasan semula RM'000	Caj susutnilai bagi tahun RM'000	Pada 31.12.2009 RM'000
Kumpulan							
2009							
Nilai buku bersih							
Tanah milik bebas	7,631	0	0	0	0	0	7,631
Bangunan	65,717	0	0	0	0	(1,529)	64,188
Peralatan							
telekomunikasi	785,639	4,587	0	0	565,291	(79,143)	1,276,374
Peralatan pejabat	1,127	22	0	0	0	(252)	897
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai	2,135	69	0	0	0	(327)	1,877
Komputer	683	176	0	(3)	2	(278)	580
Kenderaan bermotor	473	298	(284)	0	0	(37)	450
	<u>863,405</u>	<u>5,152</u>	<u>(284)</u>	<u>(3)</u>	<u>565,293</u>	<u>(81,566)</u>	<u>1,351,997</u>
Modal kerja dalam pelaksanaan	452,079	113,214	0	0	(565,293)	0	0
	<u>1,315,484</u>	<u>118,366</u>	<u>(284)</u>	<u>(3)</u>	<u>0</u>	<u>(81,566)</u>	<u>1,351,997</u>

	Kos RM'000	Susutnilai terkumpul RM'000	Nilai buku bersih RM'000
--	---------------	-----------------------------------	--------------------------------

Pada 31 Disember 2009

Tanah milik bebas	7,631	0	7,631
Bangunan	76,505	(12,317)	64,188
Peralatan telekomunikasi	2,133,096	(856,722)	1,276,374
Peralatan pejabat	5,021	(4,124)	897
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai	4,474	(2,597)	1,877
Komputer	2,802	(2,222)	580
Kenderaan bermotor	801	(351)	450
	<u>2,230,330</u>	<u>(878,333)</u>	<u>1,351,997</u>

13 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Pada 1.1.2008 RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pengkelasan semula RM'000	Caj susutnilai bagi tahun RM'000	Pada 31.12.2008 RM'000
Kumpulan						
2008						
Nilai buku bersih						
Tanah milik bebas	7,631	0	0	0	0	7,631
Bangunan	67,246	0	0	0	(1,529)	65,717
Peralatan telekomunikasi	867,463	3,240	0	937	(86,001)	785,639
Peralatan pejabat	1,160	217	(2)	0	(248)	1,127
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai	1,256	1,170	(1)	0	(290)	2,135
Komputer	742	255	(4)	0	(310)	683
Kenderaan bermotor	640	0	(5)	0	(162)	473
	946,138	4,882	(12)	937	(88,540)	863,405
Modal kerja dalam pelaksanaan	370,340	82,676	0	(937)	0	452,079
	<u>1,316,478</u>	<u>87,558</u>	<u>(12)</u>	<u>0</u>	<u>(88,540)</u>	<u>1,315,484</u>
				Kos RM'000	Susutnilai terkumpul RM'000	Nilai buku bersih RM'000
Pada 31 Disember 2008						
Tanah milik bebas				7,631	0	7,631
Bangunan				76,504	(10,787)	65,717
Peralatan telekomunikasi				1,563,218	(777,579)	785,639
Peralatan pejabat				4,999	(3,872)	1,127
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai				4,409	(2,274)	2,135
Komputer				2,630	(1,947)	683
Kenderaan bermotor				1,058	(585)	473
				1,660,449	(797,044)	863,405
Modal kerja dalam pelaksanaan				452,079	0	452,079
				<u>2,112,528</u>	<u>(797,044)</u>	<u>1,315,484</u>

Kos pinjaman sebanyak RM3,534,000 yang timbul daripada pembiayaan yang dimeterai secara khusus untuk pembinaan MEASAT-3a ("M3a") (dahulu dikenali sebagai MEASAT-1R) telah dipermodalkan pada tahun kewangan ini sebagai modal kerja dalam pelaksanaan (2008: RM12,905,000 kos pinjaman bagi pembinaan MEASAT-3 ("M3") dan M3a dipermodalkan masing-masing sebagai peralatan telekomunikasi dan kerja dalam pelaksanaan).

Semua hartanah, loji dan peralatan telah dicagarkan sebagai cagaran untuk pinjaman seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

14 PAJAKAN DIBAYAR TERDAHULU

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos		
Pada 1 Januari	789	0
Tambahan pada tahun	750	0
Pengkelasan semula daripada penerimaan	<u>0</u>	<u>789</u>
Pada 31 Disember	<u>1,539</u>	<u>789</u>
Susutnilai terkumpul		
Pada 1 Januari	24	0
Caj bagi tahun	<u>25</u>	<u>24</u>
Pada 31 Disember	<u>49</u>	<u>24</u>
Nilai buku bersih	<u>1,490</u>	<u>765</u>

Pajakan dibayar terdahulu berkaitan dengan tanah pegangan pajakan di mana sebuah bangunan milik subsidiari Syarikat yang terletak di Pulau Langkawi. Pajakan dibayar terdahulu meliputi tempoh pajakan selama 60 tahun yang tamat pada tahun 2068.

15 MUHIBAH

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos		
Pada 1 Januari/31 Disember	<u>1,186,589</u>	<u>1,186,589</u>

Kumpulan menjalankan ujian tahunan untuk mengesan kemerosotan nilai bagi unit menjana wang tunainya ("CGU"). Berdasarkan kepada ujian kemerosotan nilai, tiada kerugian kemerosotan nilai diperlukan untuk amaun bawa muhibah pada 31 Disember 2009 kerana amaun yang boleh dibalikkan adalah melebihi amaun bawanya.

Amaun boleh dibalikkan bagi operasi satelit ditentukan berdasarkan pengiraan nilai sedang digunakan. Pengiraan ini menggunakan unjuran aliran tunai sebelum cukai berdasarkan belanjawan kewangan terbaru yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Aliran tunai selepas tempoh belanjawan kewangan yang diluluskan diunjur menggunakan kadar pertumbuhan anggaran seperti yang dinyatakan di bawah. Kadar pertumbuhan hasil terhimpun dianggar berdasarkan kepada rekod pencapaian sejarah dan anggaran peristiwa masa depan berdasarkan keadaan semasa yang ditentukan untuk 15 tahun akan datang berdasarkan kepada jangka hayat terhad satelit sedia ada. Selepas hayat terhad satelit sedia ada, aliran tunai diunjur menggunakan kadar anggaran pertumbuhan penghujung dengan membandingkan kepada pasaran dan industri di mana satelit beroperasi dan tidak dijangka akan melebihi pertumbuhan purata jangka panjang bagi industri dan pasaran. Andaian ini dibuat berasaskan kepada hakikat bahawa perniagaan satelit akan terus menjadi sebuah usaha perniagaan berterusan menjangkau jangka hayat satelit sedia ada kerana satelit gantian diandai akan dimula tugas apabila sebarang satelit sedia ada telah mencapai usia hayat kegunaannya.

15 MUHIBAH (SAMBUNGAN)

Kadar diskaun sebelum cukai digunakan kepada unjuran aliran tunai yang diperolehi daripada kos modal purata berwajaran sebelum cukai CGU Kumpulan pada tarikh taksiran CGU tersebut.

Andaian utama yang digunakan bagi pengiraan nilai dalam kegunaan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009	2008
	%	%
Kadar Purata Penggunaan Satelit	87	90
Kadar Diskaun Sebelum Cukai	5.5	5.5
Kadar Pertumbuhan Hasil Terhimpun	6	5
Kadar Pertumbuhan Penghujung	1	1

Perubahan dalam andaian bagi tahun semasa berkaitan dengan Kadar Penggunaan Satelit Purata dan Kadar Pertumbuhan Hasil Terhimpun adalah disebabkan oleh perubahan dalam komposisi kontrak semasa dan potensi yang dijangka akan dimeterai dengan pelanggan selepas kejayaan pelancaran M3a pada tahun kewangan semasa.

Kajian Kumpulan meliputi penilaian kesan perubahan dalam andaian-andaian penting khususnya kadar diskaun sebelum cukai. Berdasarkan kepada analisis sensitiviti yang dijalankan, pengurusan telah memutuskan bahawa tiada perubahan yang berpatutan dalam andaian penting kes asas yang akan menyebabkan nilai bawa muhibah melebihi nilainya yang boleh dikutip semula.

16 PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2009	2008
	RM'000	RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	1,463,395	1,463,395

16 PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran mengenai syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan		Aktiviti utama
		2009 %	2008 %	
Dipegang secara langsung oleh Syarikat				
MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd. ("MSS")	Malaysia	100	100	Operasi rangkaian satelit dan pemegangan pelaburan
MEASAT International (L) Limited	Labuan	100	-	Tidak aktif
MEASAT Satellite Indonesia Sdn. Bhd.	Malaysia	100	-	Tidak aktif
Dipegang secara tidak langsung melalui syarikat subsidiarinya, MSS				
MEASAT Networks Limited *	Bermuda	100	100	Tidak aktif
MEASAT International (South Asia) Ltd **	Mauritius	100	100	Tidak aktif
MEASAT International (L) Limited	Labuan	-	100	Tidak aktif
